

Jilid III  
Bil. 13



Hari Selasa  
9hb Ogos, 1977

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruanga 1137]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) [Ruangan  
1168]

Rang Undang-undang Racun (Naterium Arsenit) (Pindaan) [Ruangan  
1183]

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 1189]

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 1202]

MALAYSIA

**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S. J.M.N. (Dilantik).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAH ABDULLAH, D.P.M.J., P.CM. (Perak).

Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).

Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).

DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.SJ., A.M.N., P.J.K., (Melaka).

JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).

TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).

DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).

TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).

TUAN HAH ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

DATUK HAH ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.MJ. (Johor).

TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik),

TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).

DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

DATUK CHONG FOG KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).

TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).

PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).

PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

Yang Berhonnat **TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).**  
**TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).**  
**TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).**  
**TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).**  
**TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).**  
**TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).**  
**TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).**  
**DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).**  
**DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).**  
**DR LIM KENG YAIK (Dilantik).**  
**TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).**  
**DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).**  
**TUAN HAH MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).**  
**TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).**  
**DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).**  
**DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).**  
**DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).**  
**TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).**  
**TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).**  
**DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).**  
**RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).**  
**DATUK SEAH TENG NGIAB, D.P.M.J., S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).**  
**DATUK DR C. SINNADURAL, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).**  
**PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).**  
**DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).**  
**DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K., P.N.B.S. (Sabah).**  
**TUAN TING MING HIA (Sarawak).**  
**PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).**  
**TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).**  
**DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).**  
**DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).**  
**TUAN WONG KEE NAI (Dilantik).**  
**PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).**

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Selasa, 9hb Ogos, 1977

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN  
KEBUDAYAAN MELAYU-KAJIAN  
UNESCO

**1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Malaysia menyertai Jawatankuasa Kajian yang sedang dijalankan oleh UNESCO mengenai kebudayaan Melayu dan Tenggara Asia dan apakah yang dapat disumbangkan oleh Malaysia dan secara kasar apakah tujuan rancangan ini dijalankan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memangnya menyertai Jawatankuasa Kajian dalam projek pengajian Kebudayaan Melayu dan Tenggara Asia yang dijalankan oleh UNESCO semenjak Suruhanjaya pengajian ini dibentuk di dalam tahun 1972 yang lalu. Semenjak daripada itu beberapa buah Jawatankuasa Kecil telah dibentuk menjalankan beberapa kegiatan dan usaha-usaha pengajian terhadap kebudayaan Melayu. Jawatankuasa-jawatankuasa itu termasuklah Jawatankuasa Tradisi Lisan, Jawatankuasa Kecil Seni Rupa, Jawatankuasa Kecil Sejarah, Jawatankuasa Bibliografi dan Jawatankuasa Asas Kebudayaan Melayu.

Dalam menjalankan projek-projek yang berkenaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama dengan Kementerian Pelajaran dan juga bersama dengan Universiti-universiti dan Pakar-pakar atau Sarjana-sarjana Kebudayaan melaksanakan projek-projek itu. Kementerian sendiri sentiasa memberikan bantuan kewangan ter-

utama dari segi kemudahan-kemudahan mengadakan bengkel, seminar dan pengkajian selain daripada peruntukan yang disalurkan oleh pihak UNESCO melalui Kementerian Pelajaran.

Objektif yang berhubung dengan pengkajian Kebudayaan Melayu itu antara lain ialah pertama untuk dapat memperlihatkan penemuan dan bahan-bahan yang amat berharga mengenai Kebudayaan Melayu dan juga memperlihatkan bahawa Kebudayaan Melayu yang meliputi daerah-daerah Alam Melayu dari Malagasi hingga ke Lautan Pacific adalah merupakan salah satu kebudayaan yang agung di dunia dan juga selain daripada itu dapat mengemukakan ciri-ciri penting berhubung dengan peradaban dan tatasusila Melayu dalam konteks Alam Melayu yang lebih luas.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah harapan pada satu masa kelak bahawa hasil analisa dari Jawatankuasa ini akan menjadikan Kebudayaan ASEAN pada masa yang akan datang?

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya ini tidak mustahil kerana dengan terbentuknya ASEAN dan meliputi bidang-bidang kuasa ASEAN kepada perkara yang luar dari ekonomik termasuk sosial kebudayaan, ini memang ada kemungkinan.

TANAH-TANAH KAMPUNG  
LAMA/FELCRA

**2. Datuk Abdul Aziz bin Tapa** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah apa-apa rancangan pihak FELCRA untuk menyelesaikan masalah tanah-tanah kampung lama di negara kita ini memandangkan bahawa

tujuan ditubuhkan FELCRA adalah untuk menyelesaikan masalah tanah yang dihadapi oleh rakyat. Jika ada, apakah langkah-langkah yang telah dijalankan dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya?

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, FELCRA sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1966 telah dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah tanah di kalangan penduduk-penduduk kampung dengan melaksanakan Rancangan-rancangan Tanah Pinggir dan Rancangan-rancangan Pemulihan. Setakat ini FELCRA telah melaksanakan 65 buah Rancangan Tanah Pinggir dan Pemulihan meliputi seluas 74,481 ekar. Rancangan-rancangan tersebut telah diberikan kepada orang-orang kampung yang mempunyai luas kawasan tanah yang tidak ekonomik dan ini mendatangkan faedah kepada 5,780 keluarga masyarakat kampung.

Soal pemulihan tanah-tanah kampung lama sedang diberi perhatian oleh FELCRA tetapi satu masalah yang dihadapi oleh FELCRA ialah samada orang-orang kampung itu sendiri bersetuju untuk menyerahkan tanah-tanah mereka kepada FELCRA untuk dipulihkan dan disatukan (consolidated). Satu strategi baru untuk pembangunan kampung tradisional yang dinamakan pembangunan setempat (*in situ development*) sedang dirangka oleh FELCRA. Sekiranya projek ini mendapat sambutan daripada masyarakat kampung maka kemungkinan tanah-tanah kampung lama ini akan dapat dimajukan melalui pembangunan setempat ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat selanjutnya cadangan pembangunan tanah-tanah kampung tradisional melalui pembangunan setempat ini telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Memodenkan Pertanian di Jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan dan juga pada awal bulan Ogos ini seorang pakar Ekonomi Pertanian telah ditempatkan di FELCRA untuk merancang dan merangka strategi projek pembangunan setempat bagi memulih dan memajukan tanah-tanah kampung-kampung lama.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menyatakan bagi pihak rakyat terima kasih

kepada Kementerian ini sebab kelicinan dan kebaikan rancangan FELCRA. Tadi telah disebutkan berbagai-bagai rancangan akan dihadapi lagi, adakah Kementerian ini sedar bahawa FELCRA kekurangan wang hendak melaksanakan projek yang begitu banyak. Adakah pada masa sekarang Kerajaan sedang mengusahakan supaya dapat meminta mana-mana tabung kewangan yang bermurah hati bagi melaksanakan rancangan FELCRA?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa bukan sahaja agensi seperti FELCRA bahkan agensi-agensi lain sentiasa kekurangan wang. Dari satu masa ke satu masa kita meminta kepada pihak Kerajaan memberikan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek yang hendak dilaksanakan.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussm:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar Treasury terlampau kedekut bila hendak memberi tanah yang ada hubungan dengan rakyat. Banyak sangat soal jawab mereka, dari satu meja ke satu meja dan dari satu meja ke satu meja sehingga sudah hujung tahun baru diberi sedikit. Adakah benar begitu?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak Treasury bertanggungjawab kepada wang rakyat, jadi wang itu patutlah digunakan dengan seboleholehnya supaya tidak terbuang begitu sahaja. Saya rasa kepada projek-projek di mana kita perlukan wang, pihak Treasury tidaklah begitu kedekut.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kerana rancangan-rancangan yang baik itu. Adakah rancangan-rancangan itu sudah berjalan atau masih dalam rancangan?

Soalan kedua, masalah yang dihadapi oleh orang-orang kampung lama ini ialah kadang-kadang kita jumpa ada seekor tanah mempunyai nama sampai 8 orang, kemudian hendak dipecahkan tidak boleh. Apakah solution yang boleh diberi bagi pihak Kementerian ini mengenai perkara ini sebab implikasinya cukup teruk kepada orang kampung?

Yang ketiga, kalau orang ada tanah getah, misalnya 3 ekar maka akan diberi peluang oleh RISDA memiliki lagi 7 ekar di tempat-tempat lain supaya cukup tanah itu 10 ekar—Ini saya dengar, samada benar atau tidak, saya tak tahu. Dia beri peluang ke tempat lain dengan cara syarikat atau bagaimana, tetapi jikalau orang ada tanah sawah 1/4 ekar atau 1/2 ekar seorang, dia tidak ada buat apa-apa rancangan untuk membaiki hidup petani yang cuma ada 1/2 ekar tanah ini. Adakah dibuatkan rancangan seperti ini?

**Dr Snlaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, saya telah katakan tadi ini adalah dalam rancangan merupakan satu konsep baru pembangunan tanah. Sebenarnya, pihak FELCRA telah mengadakan perundingan dengan Kerajaan Negeri Kelantan baru-baru ini supaya dapat dikaji satu pilot project mengenai pelaksanaan *in situ* development iaitu pembangunan setempat. Konsep ini ialah bertujuan supaya satu kawasan itu dapat disusun semula lot-lot tanahnya dan juga dapat kegiatan petani-petani itu disusun semula supaya ianya dapat memberikan satu pendapatan yang ekonomik. Sebagai contoh, satu kawasan katakan 300 ekar diatur dalam konsep *in situ* development—ini kampung tradisional, kita adakan satu kawasan perkampungan. Selepas itu kita adakan satu kawasan untuk tanaman jangka panjang, getah, kelapa sawit dan juga ada satu kawasan ternakan, satu kawasan dusu dan satu kawasan tanaman kontan. Dalam cadangan pembangunan setempat *in situ* development ini tiap-tiap satu keluarga itu akan diberi 6 ekar tanah, bukan 6 ekar getah sahaja tetapi keseluruhannya 6 ekar seperti tanaman kontan 1 1/4 ekar, dusun 1 3/4 ekar dan getah 3 ekar dan juga 1 1/4 ekar kawasan perumahan. Kita memang tahu beberapa masalah akan dihadapi, satu daripadanya masalah penerimaan daripada tuan-tuan-punya tanah itu kerana ini melibatkan masalah penyatuan tanah (consolidation). Itulah jawapan untuk soalan tambahan yang pertama, iaitu masih dalam rancangan lagi.

Kedua, mengenai satu keping tanah yang banyak tuan-punya. Kita hendak mengatasi masalah ini adalah sangat ruimit, tetapi satu daripada cara hendak mengatasi masalah ini ialah dengan mengadakan Lembaga Amanah Tanah yang saya telah bercakap di dalam Dewan ini di mana tanah-tanah yang

dipunyai oleh banyak tuan-punya tanah itu kadang-kadang ter bengkalai atau tidak dikerjakan langsung. Dengan adanya satu cadangan baru ini, iaitu mengadakan Lembaga Amanah Tanah, maka Lembaga ini boleh diberi kuasa dengan perubahan undang-undang membeli ataupun mendapat tanah itu, mengerjakan tanah itu. Ini merupakan salah satu daripada usaha atau idea kita untuk mengatasi masalah ini.

Sila ulangkan soalan tambahan yang ketiga, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Boleh saya terangkan. Soalan yang ketiga, kalau orang kampung yang mempunyai tanah 2 ekar getah misalnya, kemudian RISDA ada beri peluang untuk memiliki tanah lain dengan cara bersyarikat, diberi lagi 4 ekar supaya cukup 6 ekar dengan cara bersyarikat, dia akan belikan tanah tempat lain, dia usahakan tanah tempat lain dengan cara itu, tetapi petani-petani sawah itu dia ada misalnya 1/2 ekar sahaja sawahnya, yang lain dia tidak ada; ada dusun 3-4 batang durian, dia tidak diberi peluang pula memiliki sawah di tempat lain dengan cara syarikat atau macam mana. Adakah dibuat rancangan orang yang mempunyai sawah yang sedikit-sedikit begini untuk memiliki tanah supaya tanahnya itu memberikan ekonomi yang baik kepadanya?

**Dr Snlaiman bin Haji Hand:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa konsep yang hendak dijalankan di *in situ* development ini bolehlah kita masukkan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

### KESESAKAN JALANRAYA DI KUALA LUMPUR

**3. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsa** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar atas kesesakan di jalanraya di Kuala Lumpur sekarang yang akan bertambah dari setahun ke setahun. Apakah rancangan yang akan dibuat dari sekarang untuk mengatasi kenderaan yang akan bertambah pada masa akan datang dan jika tidak mengapa.

Setiausaha **Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alani Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan sedar bahawa kesesakan di jalanraya di Kuala Lumpur akan

bertambah dari setahun ke setahun. Untuk menghadapi masalah ini, Kerajaan telah merancang dan akan mengambil beberapa langkah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga seperti berikut:

- (1) Membesarkan dan memperbaiki persimpangan-persimpangan seperti (a) Bulatan Raja Muda (b) Jalan Gurney/Jalan Pekeliling (c) Jalan Sultan Ismail/Jalan Raja Chulan (d) Jalan Ampang/Jalan Campbell (e) Jalan Melaka/Jalan Ampang (f) Jalan Raja Laut/Jalan Parlimen (g) Bulatan Bank Negara (h) Jalan Sultan Hishamuddin/Jalan Raja/Jalan Leboh Pasar (i) Jalan Young/Jalan Hishamuddin (j) Jalan Sultan Sulaiman/Bulatan Jalan Damansara (k) Sambungan Jalan Bandar ke Jalan Sultan Muhammad (l) Jalan Bulatan Melaka.
- (2) Membina jalan-jalan baru seperti berikut:
  - (a) Jalan Stoney yang menyambungkan Jalan Raja Abdullah ke Jalan Tuanku Abdul Rahman.
  - (b) Jalan Raja Abdullah yang disambungkan ke persimpangan Jalan Ampang dan Jalan Sultan Ismail.
  - (c) Jalan Bandar yang disambungkan ke Jalan Leboh Pasar Besar dan terus ke Jalan Melaka.
- (3) Membina jambatan-jambatan baru seperti berikut:
  - (a) Di Jalan Shaw di atas Jalan Kereta Api
  - (b) Di Jalan Ampang
  - (c) Di atas Sungei Barbras
  - (d) Di atas Sungei Klang
  - (e) Di atas Jalan Tun Perak
  - (f) Di atas Jalan Raja
  - (g) Di atas Sungei Gombak di Jalan Gombak
  - (h) Di atas di Leboh Pasar Baharu.
- (4) Memperkemas lagi pengangkutan-pengangkutan awam dan penyediaan jalan-jalan khas untuk bas sahaja. (Bus Priority Routes).
- (5) Menggalakkan penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian dengan cara yang paling berkesan.

- (6) Penguatkuasaan yang ketat terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan lalulintas jalan. Satu pasukan yang dipanggil YUNIT WARDEN LALULINTAS yang sekarang ini mempunyai anggota seramai 190 orang telah bertugas untuk membantu Polis Traffik dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan di jalanraya.
- (7) Penetapan tempoh masa lampu-lampu isyarat terafik (timing of the existing traffic signals) telah diperbaiki semula pada tahun lepas dan ini telah dapat mempercepatkan lagi perjalanan lalulintas sebanyak lebih kurang 20%.
- (8) Perlaksanaan Area Road Pricing System. Sistem ini dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mac 1978 bertujuan untuk mengurangkan kenderaan-kenderaan yang mempunyai muatan penumpang yang rendah daripada memasuki atau melalui pusat bandar Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya akan mengenakan bayaran-bayaran yang tertentu bagi kenderaan yang bermuatan rendah yang melalui pusat bandar pada waktu-waktu yang tertentu (peak hours).
- (9) Yunit kenderaan terkandas telah ditubuhkan pada tahun lepas untuk menarik kenderaan-kenderaan yang terkandas di jalan-jalanraya di Wilayah Persekutuan yang disebabkan oleh kemalangan atau kerosakan. Ini akan dapat melicinkan perjalanan kenderaan-kenderaan di jalanraya.

#### **SYARIKAT PERBADANAN AWAM KEPADA PINDAHMILIK BUMIPUTRA**

**4. Tuan Haji Khalid bin Abdnllali** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada Kementerian telah menyediakan rancangan yang kemas bagi penyerahan anak-anak syarikat Perbadanan Negeri yang berjaya kepada syarikat Bumiputra. Jika ya, berikan butir-butir dan jika tidak kenapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan **Abdul Manan bin Othman**): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun menyediakan Asas dan Panduan Tindakan Penyerahan Hakmilik Syarikat-syarikat Perbadanan Awam termasuklah Perbadanan-perbadanan

Kemajuan Negeri yang berjaya kepada Bumiputra. Asas-asas penentuan pemindahan hakmilik ini adalah seperti berikut:

- (i) Projek-projek atau syarikat-syarikat yang berkenaan mestilah sudah mencapai kemampuan membuat keuntungan yang secukupnya dan "margin" keuntungan yang boleh diterima dan/atau mempunyai masa depan "viability" dan perkembangan yang cerah.
- (ii) Pemindahan milik akan dibuat secara berperingkat-berperingkat dan pada permulaannya sekurang-kurangnya 51% daripada saham syarikat-syarikat kepunyaan penuh hendaklah terus dipegang oleh agensi-agensi sektor awam yang berkenaan.
- (iii) Pemindahan milik adalah kepada Bumiputra sahaja dan pekerja syarikat pada harga yang akan ditentukan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rancangan ini sangat baik, tetapi adakah Kementerian ini sedar bahawa Kerajaan menyerahkan pindah milik itu daripada tangan kanan pergi kepada tangan kiri, bukan juga kepada bumiputra. Contohnya, Syarikat Bas MARA yang patut diserahkan kepada bumiputra tetapi telah diberikan kepada agensi Kerajaan yang lain. Adakah langkah ini yang kata Kerajaan hendak beri balik kepada bumiputra ini dapat ditunaikan dalam masa yang tertentu atau hanya berdalih-dalih, sebab pemberian hanya dari tangan kiri Kerajaan kepada tangan kanan Kerajaan juga?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan panduan-panduan yang baru dikeluarkan ini, pemindahan itu akan diberikan kepada bumiputra atau pekerja-pekerja sahaja.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tadi kita mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan semua sekali akan dipulangkan semula kepada bumiputra. Saya hendak bertanya satu perkara sahaja iaitu harga jualan itu harga pasaran atau at par, sebab kalau sekiranya harga pasaran sekarang benda itu tinggal bunga-bunga sahaja tetapi kalau at par, barangkali sesuai. Saya hendak tahu dari Timbalan Menteri yang berkenaan bagaimana caranya dan harga mana yang hendak dicadangkan?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, ini akan ditentukan apabila sahaja syarikat-syarikat itu ada kemampuan untuk dipindah milik dan ini terpulanglah kepada merit atau demerit di atas sesebuah syarikat itu.

**Tuan Haji Khalid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menyebutkan tadi bahawa saham akan diberi kepada bumiputra sekurang-kurangnya kepada peringkat 51%. Bolehkah saya mendapat penjelasan apakah takrif syarikat-syarikat bumiputra yang akan diserahkan samada sepertimana yang ditakrifkan sekarang 51%-49% mana-mana syarikat pun dikira bumiputra ataupun yang akan diserahkan kelak 100% kepada bumiputra?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah panduan yang kedua yang saya sebutkan 51% tadi bahawa apabila satu syarikat yang dipunyai oleh sesebuah sektor awam yang dipunyai 100%, maka 51% daripada sahamnya akan dipindahkan kepada bumiputra.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perkara memindah-alih saham kepada bumiputra perseorangan atau individu atau syarikat bumiputra yang tulin telah menjadi perkara yang hangat di waktu ini dan di dalam kajian Kementerian-nya dapatkah beliau memberitahu samada adakah syarikat-syarikat yang sudah viable yang boleh diserahkan kepada bumiputra pada tahun ini?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, memang sudah ada syarikat yang viable umpamanya sekarang ini di dalam kajian ialah sebuah syarikat bas MARA EXPRESS yang mana sedang dikaji secara manakah pemindahan itu akan dibuat.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Soalan tambahan. Adakah saya boleh difahamkan daripada begitu banyak syarikat-syarikat yang dimiliki oleh agensi-agensi Kerajaan cuma hanya ada satu sahaja yang boleh diserahkan pada tahun ini?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Itu adalah satu daripada syarikat-syarikat yang berkenaan tetapi memang ada beberapa buah lagi yang dipunyai oleh MARA terutama sekali berhubung dengan kenderaan dan kebanyakan syarikat-syarikat lain dipunyai oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri (S.E.D.C) belumlah lagi sampai masanya.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bangkitkan mengenai perkara penyerahan iaitu menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bila didapati syarikat itu viable. Saya tidak merasa ragu-ragu tentang syarikat-syarikat yang ada di dalam pegangan peringkat pusat, umpamanya di bawah MARA, UDA atau PERNAS atau sebagainya. Tetapi saya bimbang di peringkat negeri, adakah negeri itu berpendapat serupa sebagaimana yang disuarakan oleh beliau tadi ataupun mereka itu mempunyai tafsiran yang berlainan? Setakat manakah yang dikatakan viable? Sebab ada kalanya setengah-setengah syarikat di bawah jagaan S.E.D.C. bila mereka berniaga dan dapat kemajuan, mereka hendak expand. Jadi maknanya sentiasa expand, bila sentiasa expand bermakna sentiasalah tidak akan timbul perkataan viable yang boleh diserahkan kepada bumiputra. Jadi, sampai bilakan masa itu nanti? Sebab adalah menjadi sebagai perlumbaan di kalangan S.E.D.C. sekarang itu manamana general manager atau manager subsidiary company, mereka berlumba-lumba hendak menunjukkan keuntungan dan dengan kerana itu mereka mencari jalan expansion tadi sehingga kadang-kadang berlawanan dan berlumba-lumba dengan syarikat-syarikat bumiputra sendiri. Jadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri fikir patut dibuat satu peraturan atau dibuat satu ruling misalnya, mesti datang daripada atas, perintah atau decree daripada Perdana Menteri bahawa setakat ini mesti diserahkan. Kalau tak ada peraturan semacam ini, saya fikir negeri-negeri itu susah untuk menyerahkan pindah milik itu, sebab pandangan mereka sangat berlainan.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Panduan ini adalah menyeluruh bukan sahaja bagi badan-badan di peringkat pusat tetapi juga di peringkat negeri dan berhubung dengan tafsiran viability tadi, kalaulah sesebuah syarikat itu expand maknanya ia ada potency yang mana syarikat itu akan viable.

**Toan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yaasin:** Saya hendak bertanya sedikit lagi atas penjelasan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan 51% akan diserahkan dan 49% masih dipegang oleh badan-badan Kerajaan. Saya suka bertanya apakah asasnya yang Kerajaan atau badan-badan itu masih memegang 49%? Jika ada syarikat-syarikat Melayu ataupun orang-orang individu Melayu yang sanggup membeli 100% kenapa tak diserahkan sepenuhnya? Kenapa-kan Kerajaan masih memegangnya lagi atau badan-badan itu masih lagi memegang 49% tadi?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebagai satu dasar am berperingkat-peringkat yang mana sekurang-kurangnya Kerajaan masih memegang 51% supaya menentukan pengurusan Syarikat itu tidak akan terlibat dan dari masa ke semasa kita akan terus jual lebih daripada itu.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang menyerah kepada Bumiputra pada masa rugi inilah, umpamanya, Syarikat Jengka Sdn. Bhd., kompleks kayu yang sebenar-benarnya sudah rugi dekat \$20 juta tetapi selepas ini dia kata dia untung \$21/2 juta. Syarikat macam ini bolehkah dia serahkan kepada Kerajaan Negeri atau badan-badan yang berkanun dalam negeri itu yang sanggup sebab ini boleh dikira atas harga at par. Sanggupkah?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tiada cadangan untuk menyerahkan syarikat ini dan juga pihak kami tidak juga menerima permohonan pemindahan itu.

#### **RANCANGAN MALAYSIA KETIGA UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN**

**5. Datuk Mansor bin Mohamad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan dengan tegasnya memandangkan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan di antara yang kaya dengan yang miskin maka Rancangan ini sudah tentu mendapat sambutan yang baik dari semua lapisan masyarakat, samada beliau sedar bahawa Rancangan ini akan gagal sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan melalaikan tugas-tugas mereka atau tidak mengambil berat di

atas Rancangan ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini seperti kata ikhlas daripada Perdana Menteri ini?

**Puan Rafidah Aziz:** Kerajaan adalah sedar bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak akan mencapai kejayaan yang penuh sekiranya ada pihak-pihak yang tidak memberi sokongan dan kerjasama kepada usaha Kerajaan itu. Pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam di setiap agensi Kerajaan mempunyai peranan masing-masing dalam Rancangan Malaysia Ketiga walaupun bukan semuanya terlibat dalam projek-projek pembangunan.

Mereka yang terlibat bagi melaksanakan projek-projek pembangunan adalah diharapkan akan menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan tekun dan penuh daya-usaha. Setakat ini Kerajaan mempunyai kepercayaan bahawa Perkhidmatan Awam Malaysia keseluruhannya tidak mencurigakan dan Kerajaan meletakkan penuh harapan kepada mereka yang berkenaan tidak mencuaikan tugasnya. Peraturan-peraturan didapati di dalam Perintah Am bagi Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Pengurusan Ajensi-ajeri Berkanun untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang cuai dan tidak menjalankan tugas-tugasnya dengan memuaskan.

Pengawasan sikap dan prestasi pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam sentiasa berjalan dan tiap-tiap Ketua Jabatan dikehendaki memberi laporan dari masa ke semasa mengenai kemajuan yang dicapai oleh Jabatannya melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan Jabatan masing-masing. Patut disedari bahawa kejayaan rancangan-rancangan pembangunan Malaysia yang lalu adalah hasil daripada sumbangan bakti cemerlang, sikap yang jujur dan didikasi daripada pegawai dan kakitangan dalam sektor awam.

Pengawasan juga dijalankan terhadap perjalanan jentera Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi berkanun. Bahagian penyelesaian pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri adalah sentiasa mengawal pelaksanaan projek dan kemajuan rancangan setiap Jabatan dan agensi Kerajaan supaya ianya berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain daripada itu, kelemahan-kelemahan di dalam sesuatu jabatan atau agensi

Kerajaan di dalam perkhidmatannya pada rakyat dapat juga dikesan daripada surat-surat yang telah diterima oleh Biro Pengaduan Awam. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini Kerajaan baharu-baharu ini telah menubuhkan Unit Pemodanan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji jentera pentadbiran Kerajaan dengan tujuan diperkemaskinikan sistem pengurusan yang berjalan supaya selaras dengan keperluan pelaksanaan Rancangan Pembangunan Malaysia.

**Tuan T\ S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan telah mengadakan beberapa banyak rancangan untuk menghapuskan kemiskinan atau membasmikan kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan di antara kaya dengan miskin, jika kita pandang segala keadaan yang di dalam negara kita, orang kaya telah menjadi lebih kaya dan orang miskin telah jadi lebih miskin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahannya

**Tuan T. S. Gabriel:** Adakah Kerajaan sedar bahawa segala rancangan-rancangan dasar Kerajaan iaitu Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baharu itu menambahkan taraf hidup orang kaya lebih daripada menolong orang yang tidak berada.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa tidaklah adil bagi Ahli Yang Berhormat itu membuat satu kenyataan yang agak umum dan melulu kerana tidaklah benar pada pendapat saya bahawa Rancangan Dasar Ekonomi Baharu dan Rancangan Malaysia Ketiga telah mengujudkan keadaan yang mana yang kaya lebih kaya dan yang miskin lebih miskin. Ini selalu dibangkitkan dalam majlis-majlis dialog di mana-mana juga. Sebenarnya, kita tahu dalam masalah kemiskinan ini perkara mengencilkan jurang akan memakan masa dan kita tidaklah pula dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baharu bertujuan menahan orang yang ada modal, orang yang ada dalam golongan yang berada itu daripada mereka, daripada lebih maju. Tetapi kita mengadakan dasar di mana kalau boleh sambil yang maju menjadi makin maju, kita hendak meningkatkan juga kemajuan orang yang pada masa sekarang masih di bawah taraf yang dikatakan miskin tadi. Jadi, saya tidaklah hendak

menerima kenyataan yang begitu melulu, mungkin ada tempat-tempatnya di mana pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu belum sampai pada sasaran. Ini boleh diakui. Tetapi rata-rata saya rasa perangkaan dan juga keadaan umum menunjukkan ada kejayaan kita untuk mengurangkan jurang perbezaan ini.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ketiga, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar salah satu perkara yang boleh membantutkan terlaksananya Rancangan Malaysia Ketiga ialah dengan sebab kekurangan pegawai. Jadi, saya beri contoh di Trengganu. Di Trengganu sekarang Jabatan Kerja Raya mempunyai tanggungan kerja yang sangat banyak, kalau tidak salah \$90 juta lebih tahun ini. Dia berkehendakkan 30 engineer yang telahpun diminta tetapi Jabatan Perkhidmatan Awam potong hanya diberi 11 sahaja. Ini perkara yang sangat memeningkan kepala, sedangkan bila tidak habis vote ini dia marah, dia kata apa fasal tidak beri habis? Tetapi minta personel dia potong. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya beri penuh permohonan Trengganu ini supaya peruntukan yang \$900 juta lebih itu dapat diselesaikan dalam masa 5 tahun.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukanlah kekurangan pegawai yang jadi kebuntuan kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dengan licinnya, bukan bilangannya, yang penting ialah kekurangan jenis pegawai yang strategik yang diperlukan di tempat-tempat tertentu seperti dimaksudkan tadi jurutera-jurutera.

Sebenarnya, rasa saya bukanlah tujuan Jabatan Perkhidmatan Awam atau Kerajaan untuk sengaja memotong bilangan-bilangan jurutera dan professional yang lain yang dikehendaki oleh mana-mana Pejabat Kerajaan atau kerana setakat yang setahu saya ada kalanya di mana kalau diberi sekali pun jumlah yang dikehendaki orangnya itu tidak ada. Misalnya, kalau diminta 20 boleh diberi 20, tetapi hendak mendapatkan 20 itu dalam tahun itu juga tidak kemungkinan kerana orangnya, dalam bahasa Inggerisnya bodiesnya tidak ada. Jadi ada kalanya bila diselidik dengan teliti oleh pihak Kementerian seperti Kementerian Kewangan atas ke-

perluan tenaga pekerja professional atau pegawai-pegawainya ini kerap kali permohonan itu berlebihan; ada kala permohonan yang dibuat oleh Jabatan itu berlebihan. Jadi bila dianalisa, diberilah bilangan yang optima.

### RANCANGAN SALIRAN TUMPAT

**6. Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa setengah daripada 23,000 ekar tanah padi di daerah Tumpat di Kelantan sedang menghadapi bahaya diliputi oleh air laut walaupun 2 buah bendung dan sebuah tambak telah dibina untuk tujuan mengelakkan kejadian ini dengan harga \$6 juta dalam tahun 1972, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini supaya tanah ini dapat digunakan oleh petani-petani dengan lebih menguntungkan lagi.

Timbalan Menteri Pertanian (**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar**): Tuan Yang di-Pertua, kawasan 23,000 ekar bendang padi itu adalah meliputi Kawasan Rancangan Pengairan Sungai Lemal dan Kawasan Rancangan Tumpat/Pengkalan Kubur.

Dalam Kawasan Rancangan Pengairan Sungai Lemal, kira-kira 1,500 ekar dari 13,000 ekar menghadapi masalah saliran (water logging). Tindakan akan diambil di bawah Rancangan Pembangunan Kelantan Utara bagi mengatasi masalah ini.

Bagi satu kawasan 10,000 ekar bendang lagi yang dicadangkan di bawah Kawasan Rancangan Tumpat/Pengkalan Kubur, kira-kira 5,000 ekar daripadanya menghadapi masalah banjir air sungai di musim tengkujuh dan air laut. Untuk mengatasi masalah ini satu benteng dan beberapa buah pintu saliran telah dibina. Usaha terus dijalankan di bawah Rancangan Saliran Tumpat /Pengkalan Kubur bagi menyiasat, merancang dan membuat kerja-kerja reka bentuk untuk mengadakan sistem saliran yang baik.

### LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT

**7. Pnan Zawiah binti Abdullah** (di bawah S.O. 23 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil lawatan Timbalan Perdana

Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini dari segi perdagangan dan ekonomi, dan sebagainya.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, perhitungan hasil dari satu-satu lawatan tidaklah mudah dibuat dengan tepat. Mungkin kesan lawatan dapat dianggarkan dari kesediaan mereka yang berkenaan menghadiri perjumpaan-perjumpaan yang disusun di dalam lawatan tersebut. Berhubung dengan ini kehadiran hampir semua syarikat-syarikat dan bank-bank yang terbesar sekali di Amerika Syarikat dengan diwakili oleh pegawai-pegawai tertinggi di perjumpaan di New York, Chicago dan San Francisco membuktikan penghargaan yang diberi kepada lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sungguhpun ramai yang hadir adalah daripada syarikat yang belum ada pengalaman dalam perusahaan di Malaysia. Mereka ingin tahu tentang peluang-peluang penanaman modal di Malaysia. Tertakluk kepada beberapa perkara yang boleh ditentukan oleh Malaysia, penanaman modal sebanyak \$2,000 juta adalah dalam pipeline. Angka ini juga boleh dijadikan sebagai ukuran berjaya ataupun gagal lawatan tersebut. Selain daripada para pemodal Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga berjumpa dengan penuntut-penuntut Malaysia di Los Angeles, Philadelphia, New York, Ohio dan San Francisco. Majlis-majlis dialog telah diadakan dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri diberitahu bahawa penuntut-penuntut menghargai peluang bertemu ramah itu. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri pelajaran pula dapat mengetahui masalah mereka dengan lebih tepat dan amatlah berguna dalam pengurusan penuntut-penuntut di Amerika Syarikat.

Perjumpaan juga telah diadakan dengan anggota Kabinet President Carter termasuk Setiausaha Negara, Cyrus Vance dan Setiausaha Pertanian, Robert Bergland. Selain daripada ini Universiti Philadelphia, beberapa masalah pembangunan dapat dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan para akademik dan ahli politik dari Amerika Syarikat, Venezuela, Brazil dan Pakistan. Pada anggaran Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri sendiri hasil lawatan ke tujuh buah bandar di Amerika Syarikat dalam masa 12 hari itu adalah memuaskan.

## RADIO DAN TALIVISIYEN MENYEDARKAN RAKYAT

**9. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa Radio dan Talivisyen Malaysia buat masa sekarang tidak mempunyai rancangan-rancangan khas bagi menyedarkan rakyat luar bandar tentang dasar-dasar Kerajaan terutama sekali berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ketiga, perpaduan kaum, keselamatan negara dan Dasar Ekonomi Baru. RTM sepatutnya menjadi pihak yang pertama berusaha untuk menyebarkan maklumat-maklumat yang sama seperti yang dinikmati oleh rakyat bandar.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato<sup>9</sup> Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan soalan Ahli Yang Berhormat itu, adalah menjadi dasar dan peranan Kementerian Penerangan untuk menyampaikan segala dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat jelata samada di bandar ataupun di luar bandar dengan penyampaian yang sama dan bahan-bahan untuk rancangan ini adalah didapati dari semua Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan atau separuh Kerajaan yang berkenaan, khususnya Rancangan Malaysia Ketiga sekarang.

Unsur-unsur perpaduan kaum juga ada dijelaskan menerusi Radio dan TV termasuklah keselamatan negara dan Dasar Ekonomi Baru ada dimasukkan samada secara langsung atau tidak langsung di dalam rancangan-rancangan RTM, umpamanya, rancangan-rancangan Mari ke Ladang, Bina, Kuiz Perpaduan melalui TV dan rancangan-rancangan seperti Sinar Pembangunan, Pembangunan Masyarakat, Halaman Pertanian, Fajar di Bumi Permata melalui Radio. Juga secara tidak langsung unsur-unsur yang tersebut dimasukkan dalam semua rancangan-rancangan Radio dan TV seperti Rancangan Drama, Rancangan Hiburan, Rancangan Kanak-kanak, Rancangan Wanita dan lain-lain yang disiarkan bukan sahaja melalui Rangkaian Nasional tetapi juga melalui siaran-siaran daerah atau siaran tempatan yang pada umumnya ditujukan kepada kawasan-kawasan luar bandar.

## RUMAH AWAM KOS RENDAH

9. Datuk V. Ponnusamy Pillai (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan dalam rancangan Malaysia Ketiga 482,300 buah rumah telah dirancangkan bagi sektor awam dan swasta membangukannya. Setakat ini berapa banyak.

- (i) yang telah dibina;
- (ii) yang dalam rancangan; dan
- (iii) yang mungkin bangkut, mengikut negeri-negeri dalam Malaysia ini. Sekiranya diramalkan bangkut, sila beritahu cara mengatasinya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu perlu saya nyatakan bahawa angka 482,800 yunit rumah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah matlamat negara berkaitan dengan pembinaan rumah-rumah oleh kedua-dua sektor awam dan sektor swasta keseluruhannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kajian menyeluruh setengah penggal atau "mid-term review" akan hanya dibuat dalam tahun hadapan ini. Dengan hal yang demikian saya hanya dapat, setakat ini, memberi sebahagian daripada butir-butir mengenai perkara tersebut.

Daripada angka 482,800 itu tadi, 220,800 yunit adalah merupakan matlamat bagi sektor awam dan baki 262,000 Yunit menjadi matlamat bagi sektor swasta. Setakat ini angka yang diketahui daripada sektor swasta ialah pembinaan oleh pemaju-pemaju swasta yang berlesen serta syarikat-syarikat koperasi, manakala angka-angka daripada gulungan lain seperti orang-orang persendirian belum diketahui sepenuhnya. Berasaskan angka yang diketahui, pihak swasta telah membina dan juga sedang mengendalikan pembinaan rumah-rumah sebanyak 52,711 yunit sehingga bulan Jun, 1977. Angka tersebut termasuk 803 yunit rumah-rumah yang telah disiapkan oleh Syarikat-syarikat Kerjasama dan kira-kira 2,800 buah rumah yang telah dibina oleh pihak individu-individu.

Bagi sektor awam pula daripada angka 220,800 yunit yang menjadi matlamat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu, 62,200 yunit adalah sebagai rumah awam kos

rendah yang dibiayai melalui peruntukan pinjaman Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan 158,600 yunit sebagai matlamat yang merupakan sumbangan agensi-agensi lain Kerajaan termasuk FELDA, FELCRA, Jabatan Orang Ash, Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah, UDA, J.K.R., L.L.N., PKEN-PKEN dan sebagainya. Mengenai pembinaan rumah-rumah awam kos rendah itu, sebanyak 3,959 yunit rumah telah dibina sehingga 30-5-1977, manakala sejumlah 9,934 yunit telah dibina oleh agensi-agensi Kerajaan dalam tahun 1976.

Mengenai soalan (ii) pula, sebanyak 58,241 yunit rumah awam kos rendah sedang dalam berbagai-bagai peringkat pelaksanaan), termasuklah usaha mencari dan menyediakan tapak, manakala 151,645 yunit lagi sedang dirancang dan dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain. Syarikat-syarikat koperasi sedang merancang dan mengendalikan sebanyak 16,824 yunit. Angka yang sedang dirancangkan oleh pemaju-pemaju swasta, kumpulan-kumpulan lain dan individu tidak diketahui dengan tepat.

Bagi menjawab mengenai soalan (iii) pula, adalah terlalu awal untuk membuat ramalan tentang kemungkinan adanya projek-projek yang bangkut. Kerajaan-kerajaan Negeri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan agensi-agensi Kerajaan yang lain sekarang ini sedang giat memperbaiki jentera pembangunan mereka bagi mencapai matlamat mereka masing-masing.

## PUSAT KAWALAN UDARA PULAU PINANG

10. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa tindakan yang diambil oleh Jabatan Menara Kawalan Udara Pulau Pinang yang diarahkan oleh Jabatan Kastam dan Imigresen memaksa pesawat Caribou T.U.DM. supaya mendarat di lapanganterbang Pulau Pinang pada hal penumpang-penumpangnya terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan Negeri Perak yang diketuai oleh Menteri Besar Perak yang membuat kunjungan muhibbah ke Selatan Thai baru-baru ini, adalah satu tindakan yang menjatuhkan maruah Ketua Kerajaan sebuah Negeri dan mengganggu

urusan keselamatan dan adakah ini merbahaya kepada keselamatan dalam negeri dalam masa kecemasan dan membawa nota rahsia negara.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam bertanggungjawab mengeluarkan arahan memaksa kapal-terbang Caribou mendarat di Pulau Pinang.

Kedudukan yang sebenar ialah menurut peraturan mana-mana kapal-terbang yang hendak memasuki ruang udara Malaysia mestilah mendarat di salah satu lapangan-terbang yang diistiharkan sebagai tempat pendaratan yang sah di mana pemeriksaan kastam, imigresen dan kesihatan dapat diadakan. Antara lapangan-terbang itu ialah Lapangan-terbang Pulau Pinang, Kota Bharu, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru. Walaupun begitu, persediaan boleh dibuat oleh Jabatan Imigresen, Kastam dan Kesihatan untuk mengadakan kemudahan pemeriksaan di lapangan-terbang lain, jika diatur terlebih dahulu.

Arahan supaya Kapal-terbang Caribou itu mendarat di Pulau Pinang telah dikeluarkan oleh Pusat Kawalan Lalulintas Udara dari Kuala Lumpur kerana Pusat Kawalan tersebut tidak diberi maklumat yang lengkap tentang tujuan serta ahli-ahli di dalam rombongan itu. Selepas mendarat di Pulau Pinang maka pegawai-pegawai Imigresen dan Kastam telah menaiki kapal-terbang tersebut dan seterusnya menerangkan kepada rombongan itu tentang keperluan undang-undang yang berkenaan. Setelah mendapati bahawa semua penumpang itu adalah V.I.P. warganegara Malaysia yang pulang dari Haadyai mereka pun turun dan kapal-terbang itu pun berlepas ke Ipoh.

Peraturan yang dijalankan itu adalah untuk semua penerbangan. Oleh itu, soal maruah seseorang itu tidaklah timbul. Begitu juga tindakan itu tidaklah mengganggu soal keselamatan.

#### **BANTUAN KEPADA PETANI-PETANI**

**11. Puan Zawiah binti Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian akan ambil langkah-langkah yang perlu untuk membantu petani-petani yang tanaman-tanamannya

telah terjejas akibat musim kemarau di Kedah sepertimana disebutkan oleh Pengerusi MADA baru-baru ini dan juga di Kelantan, Perlis, Trengganu yang mana petani-petani bergantung hanya kepada tanam-tanamannya; jika ya, bila.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jafar:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian Pertanian telah mengambil beberapa langkah untuk membantu petani-petani itu. Bantuan mungkin diberi di dalam berbagai bentuk seperti meminjamkan alat-alat jentera dan melonggarkan lagi sistem kredit. Tindakan akan terus juga diambil untuk membuat hujan tiruan dengan cara "cloud seeding" oleh Jabatan Kajicua di bawah Kementerian Perhubungan.

Jabatan Pertanian juga ada menjalankan Rancangan Bantuan Input dan Mempelbagaikan Tanaman-tanaman untuk menggalakkan petani-petani menanam tanaman-tanaman jangka pendek dan lain-lain tanaman yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian. Bantuan diberikan berupa matabenda termasuklah benih-benih, bahan-bahan tanaman, racun-racun serangga dan juga baja.

Koperasi-koperasi Peladang boleh juga mendapatkan perlonggaran syarat bayaran balik pinjaman.

Koperasi-koperasi Peladang di Negeri-negeri Kelantan, Perlis, Trengganu dan Kedah telah diarahkan supaya menyediakan rancangan-rancangan pengeluaran pertanian yang boleh menambahkan pedapatan ahlinya.

#### **SIJIL KERAKYATAN TIPU**

**12. Datuk V, Ponnusamy Pillai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan menarik balik semua sijil-sijil kerakyatan yang dipohon dengan penipuan;
- (b) bilangan yang telah menyerah balik semenjak tahun 1964;
- (c) daripada bilangan ini, berapa kepunyaan orang-orang keturunan India;
- (d) bilangan yang telah memohon semula; dan
- (e) daripada bilangan ini berapakah yang telah diluluskan.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menyatakan:

- (a) Kerajaan memanglah mengambil tindakan di bawah Undang-undang Melucutkan taraf Kewarganegaraan orang-orang yang telah mendapatkan taraf kewarganegaraan dengan jalan tipuan atau memberi butir-butir palsu dan sebagainya. Tindakan-tindakan ini adalah diambil dari masa ke semasa dan tidak terhad kepada satu tempoh masa yang tertentu sahaja;
- (b) tidak ada warganegara Malaysia yang telah menyerahkan balik seera sukarela sijil-sijil warganegara semenjak tahun 1964. Tetapi bilangan warganegara yang telah dilucutkan akibat tipuan atau memberi butir-butir palsu dan sebagainya semenjak tahun 1964 ialah 3,715;
- (c) dukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini tidak menyimpan rekod-rekod itu mengikut pecahan kaum;
- (d) dan (e) Kementerian ini juga tidak menyimpan rekod-rekod yang khas mengenai orang-orang yang telah memohon semula dan yang telah diluluskan.

### LAPANGAN TERBANG BAYAN LEPAS

**13. Datuk Syed Hassan Aidid** minta Menteri Perhubungan menyatakan apabila siap dengan secukupnya Lapanganterbang di Bayan Lepas, -adakah peruntukan untuk kaum Bumiputra mengambil bahagian dalam perniagaan dan jika ada, apakah peluang-peluangnya.

**Tuan Motid. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, Lapanganterbang Antarabangsa Pulau Pinang dijangka siap dengan sepenuhnya pada pertengahan tahun 1978. Pada ketika itu nanti berbagai-bagai peluang perniagaan akan terbuka kepada rakyat seperti kedai-kedai perniagaan, restoran, kedai bebas cukai, kontrek perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan dan lain-lain yang berhubung dengan penyelenggaraan alat-alat di bangunan terminal. Peruntukan bagi bumiputra adalah mengikut garis-garis dalam Dasar Ekonomi Baru.

### RUMAH-RUMAH KERAJAAN

**14. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau ada rancangan untuk menjualkan rumah-rumah Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan secara bertender. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ber-cadang untuk menjualkan rumah-rumah Kerajaan Persekutuan kepada kakitangan Kerajaan. Ini ialah kerana rumah-rumah Kerajaan adalah penting untuk perkhidmatan Kerajaan. Sekarang ini terdapat empat kategori rumah Kerajaan.

- (i) rumah khas jawatan;
- (ii) rumah-rumah khas Jabatan;
- (iii) rumah-rumah biasa Kerajaan; dan
- (vi) rumah-rumah kediaman di luar negeri.

Rumah khas jawatan adalah diperuntukkan kepada Pegawai-pegawai Tingkatan Utama termasuk Ketua Setiausaha Negara dan Iain-lain pegawai yang disediakan rumah-rumah khas kerana jawatan mereka.

Rumah khas Jabatan adalah rumah dikhaskan kepada pegawai-pegawai yang dikehendaki tinggal berhampiran dengan tempat kerja mereka.

Rumah biasa Kerajaan dikhaskan kepada pegawai-pegawai yang ditempatkan bekerja di kawasan-kawasan yang terpencil di mana rumah-rumah persendirian yang sesuai untuk disewakan tidak diperolehi.

Akhirnya, rumah kediaman luar negeri adalah rumah untuk pegawai-pegawai yang ditempatkan bekerja di Kedutaan-kedutaan atau pejabat-pejabat Kerajaan Malaysia di seberang laut.

Berdasarkan keterangan tadi maka jelaslah bahawa rumah-rumah Kerajaan adalah penting untuk perkhidmatan Kerajaan dan hendaklah dikekalkan.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rumah-rumah Kerajaan di Negeri-negeri ada dijual kepada kakitangan Kerajaan dan juga orang-orang awam yang tertentu. Adakah usaha yang seumpama ini dapat izin daripada pucuk pimpinan

Kerajaan Persekutuan atau kalau langkah ini kurang sihat boleh diberhentikan pada masa akan datang.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adapun penjualan rumah Kerajaan, kalau ada, di tiap-tiap buah Negeri, itu adalah hak Negeri itu sendiri, tetapi bagi Persekutuan adalah sepertimana yang saya sebutkan tadi.

### EMPLOYMENT RESTRICTION ACT

**15. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau bercadang hendak menyemak semula pelaksanaan Employment Restriction Act kerana Akta ini melibatkan secara langsung beribu-ribu orang yang belum memperolehi kerakyatan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa penguatkuasaan Akta Sekatan Pekerja 1968 telah menimbulkan kesulitan kepada penduduk-penduduk tetap yang memegang kad pengenalan merah terutama sekali mereka yang telah memohon kewarganegaraan Malaysia dan sedang menunggu kelulusan. Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang permit kerja yang terdiri dari isteri warganegara Malaysia dan mereka yang telah memohon kewarganegaraan di dalam Borang C di bawah Artikel 15 (3) dan mereka yang telah membuat permohonan kewarganegaraan di dalam Borang E di bawah Artikel 16 Perlembagaan Malaysia adalah diberi pembaharuan permit kerja mereka secara automatik.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa pertimbangan yang adil dan berperikemanusiaan adalah diberi kepada tiap-tiap kes permohonan untuk permit kerja.

### PEKERJA-PEKERJA LADANG

**16. Datuk V. Ponnusamy Pillai** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi menekankan betapa penting dan perlunya tuan punya ladang-ladang mengadakan keadaan hidup (*living conditions*) yang baik serta sempurna untuk ribuan pekerja-pekerja ladang di Malaysia Barat.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966 dan Kanun Buruh ialah dua Undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, yang memperuntukkan piawaian minima bagi perumahan dan lain-lain kemudahan kepada pekerja-pekerja ladang di negara ini. Dalam masa lawatan-lawatan pemeriksaan ke ladang-ladang, pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa menentukan bahawa peruntukan Undang-undang ini adalah dipatuhi oleh majikan-majikan. Sukacita saya menyatakan bahawa di sebahagian besar daripada ladang yang besar di Semenanjung Malaysia keadaan hidup pekerja-pekerja ladang adalah memuaskan.

Di samping itu, saya juga mengakui bahawa di setengah-setengah ladang, samada besar atau kecil, terdapat juga keadaan hidup yang masih belum memuaskan dan perlu diperbaiki. Kementerian saya akan terus berusaha untuk memperbaiki taraf kehidupan di ladang-ladang yang berkenaan. Perlu juga ditegaskan bahawa masalah untuk memperbaiki keadaan hidup pekerja-pekerja ladang ini adalah merupakan satu proses yang berterusan dan bukanlah satu masalah yang dapat diselesaikan dalam masa yang pendek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya nyatakan perangkaan mengenai pembinaan rumah-rumah baru di ladang dan juga rumah-rumah yang diubahsuai (*Conversion*).

Tahun	Rumah Tetap	Sementara	Ubahsuai	Jumlah
1976	3,211	116	208	3,535
1977 (hingga Jun)	1,295	14	46	1,355

### PENYEWA TANAH KERETAPI

**17. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan perbuatan Jabatan Keretapi mengambil tindakan mahkamah menghalau dan melelong harta kira-kira 60 orang peniaga kecil di Kulai, Johor dan siapakah yang berhak memiliki tanah tapak gerai perniagaan itu dan kenapakah Jabatan Keretapi tidak boleh mencari tapak kawasan lain.

**Tuan Mohd. All bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Keretapi Tanah Melayu belum pernah mengambil tindakan

mahkamah ke atas mana-mana penjaja kecil di Kulai, Johor. Namun demikian, Keretapi Tanah Melayu ada mengeluarkan notis usiran kepada tiga orang penyewa tanah Keretapi, bukan peniaga kecil, kerana mereka telah melanggar syarat-syarat yang dikenakan iaitu mereka telah menyewakan tanah-tanah itu kepada penjaja-penjaja kecil lain.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Adakah Kementerian ini sedar bahawa kedudukan jalari Keretapi dan tanah tapak jalan Keretapi itu di negeri Johor adalah dimiliki oleh Kerajaan Negeri Johor dan selama ini kita tengok daripada Johor Bahru hingga Kulai banyak rumah-rumah haram yang didirikan. Adakah Jabatan Keretapi ini mengambil hasil dengan tidak memberitahu Kerajaan Negeri Johor?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Keretapi Tanah Melayu memang ada memberi kesempatan-kesempatan kepada orang-orang yang miskin terutama sekali pekerja-pekerja keretapi sendiri yang hendak menggunakan tanah-tanah yang telah diberi kepada Keretapi Tanah Melayu bagi tempat-tempat duduk sementara sehingga Keretapi Tanah Melayu dapat mengikhtiarkan tempat-tempat duduk yang sempurna bagi mereka itu. Dan Keretapi Tanah Melayu juga menyedari bahawa sebelum ini Keretapi Tanah Melayu ada mengutip sewa daripada mereka yang diberi kebenaran menyewa di atas tanah-tanah kepunyaan Keretapi Tanah Melayu.

Namun demikian, pada masa ini masaalah ini sedang dirunding dan dikaji balik semula dengan pihak Kerajaan Negeri.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, bahawa tanah Keretapi yang diberi oleh Kerajaan Negeri itu dibeli dengan harga yang cukup murah; lebih kurang \$10 sahaja, dahulu, 40 tahun dulu mula-mula Keretapi diadakan. Tetapi bila hendak membuat pondok talipon untuk kebajikan rakyat setempat, keretapi ini punya kedekut, hendak pijak pun tidak boleh. Adakah Yang Berhormat sedar, dan kalau sedar adakah langkah-langkah ini boleh diperbaiki supaya tidak ada timbul bahawa keretapi ini meghuasai hattanya macam harta pusaka dia sendiri?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain, tidak payah dijawab.

## PEROMPAK DAN PEMBUNUH

**18. Puan Zawiah binti Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah yang lebih berkesan yang diambil terhadap perompak-perompak dan pembunuh-pembunuh pada masa sekarang di negara ini terutamanya di Kuala Lumpur dan nyatakan:

- (a) bilangan orang yang telah dibunuh;
- (b) bilangan orang yang telah ditangkap; dan
- (c) bilang orang yang telah dihukum bunuh.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang difikirkan lebih berkesan diambil terhadap perompak-perompak dan pembunuh-pembunuh adalah seperti berikut:

1. Mendakwa mereka yang menggunakan senjatapi semasa melakukan jenayah tersebut di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri No. 81/60 atau Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) No. 37/71 yang memberi peruntukan hukuman gantung atau penjara seumur hidup serta rotan tidak kurang dari 6 pukulan.
2. Mengambil tindakan untuk menahan atau menghadkan kediaman mereka di bawah Ordinan Darurat (K.A.M.J.) No. 5/69 atau Ordinan Mencegah Jenayah No. 13/59.
3. Menambahkan rondaan Polis di kawasan-kawasan yang banyak jenayah.
4. Mengadakan operasi dari masa ke-emasan.
5. Menambah dan memperhebatkan lagi pemeriksaan mengejut serta serbuan-serbuan ke atas tempat-tempat anasir-anasir jenayah yang disyaki.
6. Mengambil tindakan ke atas anasir-anasir jenayah dan kongsigelap di bawah Undang-undang yang ada untuk mengawal gerak-geri mereka.
7. Mencari maklumat serta menjalankan serbuan ke atas tempat persembunyian anasir-anasir jenayah dan kongsigelap.

- (a) Dalam tempoh 7 bulan yang pertama tahun ini seramai 119 kes bunuh telah dilaporkan.
- (b) Dalam tempoh yang sama seramai 460 orang ditangkap atas tuduhan membunuh dan merompak—104 ditangkap atas tuduhan membunuh dan 356 atas tuduhan merompak.
- (c) Dalam tempoh yang sama juga seramai 2 orang telah dihukum gantung atas tuduhan membunuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Waktu untuk soal jawab sudah tamat.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).*

### SOIL KERAKYATAN

**19. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kenapakah proses untuk mendapatkan sijil kerakyatan mengambil masa yang lama;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mempercepatkan proses ini;
- (c) bilangan sijil kerakyatan yang telah diluluskan semenjak tahun 1964 hingga sekarang; dan
- (d) daripada bilangan ini, berapakah pemohon yang terdiri daripada keturunan India.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):**

- (a) Dalam menguruskan permohonan untuk kewarganegaraan adalah suatu proses yang memerlukan kajian yang teliti dan mendalam, tidak sahaja dari segi meneliti butir-butir dokumen yang dikemukakan oleh pemohon tetapi juga latarbelakang pemohon sebelum sesuatu permohonan itu dapat dipertimbang dan diputuskan. Proses ini bergantung kepada pemohon-pemohon itu sendiri iaitu samada mereka itu boleh memberi butir-butir dan maklumat-maklumat yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Seperti yang telah dijelaskan di dalam Dewan ini

pada masa-masa yang sudah seringkali kelambatan berlaku di dalam memproses sesuatu permohonan itu disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) pemohon tidak mengisi sesuatu borang dengan sempurna dan lengkap;
- (ii) pemohon tidak menunjukkan bukti-bukti berdokumen dan maklumat-maklumat yang tepat bagi menyokong permohonan-permohonan mereka;
- (iii) pemohon tidak menyatakan kesalahan-kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh mereka pada masa-masa yang lepas dan ini membawa kepada pendakwaan dalam Mahkamah;
- (iv) pemohon tidak menjawab kuirikuri yang dikehendaki kerana mereka telah berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan tidak memberitahu penerkaran alamat mereka itu.

Masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan itu tidak dapat ditetapkan dan ianya adalah bergantung kepada keadaan permohonan yang dikemukakan itu.

- (b) Oleh kerana kelambatan ini dilakukan oleh pemohon-pemohon itu sendiri dan bukannya pihak Kementerian, maka pihak Kementerian tidaklah boleh berbuat apa-apa.
- (c) Jumlah permohonan yang telah diluluskan semenjak tahun 1964 sehingga 25-6-1977 ialah 598,627.
- (d) Dukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini tidak menyimpan rekod-rekod mengikut pecahan kaum.

### STESYEN RADIO KHAS BAGI ANGKATAN TENTERA

**20. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pengeran menyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menubuhkan sebuah stesyen radio khas bagi Angkatan Bersenjata di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sama seperti amalan yang dibuat oleh negara-negara asing seperti Australia yang telah menubuhkan sebuah stesyen radio bagi

tujuan ini di pengkalan Tentera Udara di-Raja Australia di Butterworth memandangkan kepada peranan penting yang dimainkan oleh angkatan bersenjata tersebut dalam hal keselamatan dan pertahanan negara.

**Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Kementerian ini tidak bercadang mengadakan satu stesyen radio khas bagi Angkatan Bersenjata Malaysia seperti stesyen radio Tentera Udara Australia di Butterworth. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stesyen radio di Butterworth adalah khas untuk kegemaran kakitangan tentera udara Australia dan pada keseluruhannya hanya menyiarkan muzik dan bahan-bahan kesenian sahaja.

Sungguhpun demikian, RTM ada menyiarkan rancangan-rancangan khas untuk angkatan bersenjata kita melalui rangkaian biasa dan sebagai tambahan pula mereka bolehlah menikmati rancangan-rancangan radio yang lain yang diterbitkan bagi berbagai lapisan rakyat.

#### TV MALAYSIA—PAKAIAN PEMBACA WARTA BERITA

**21. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa pembaca-pembaca warta berita nasional di Talivisyen Malaysia selalunya memakai kot dan bertali leher, adakah beliau ada apa-apa rancangan untuk mengarah supaya pembaca-pembaca memakai pakaian nasional iaitu baju Melayu dan songkok. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Pembaca-pembaca warta berita di Talivisyen Malaysia biasanya memakai kot dan bertali leher atau berbaju batik. Buat masa ini Kementerian mengarahkan pembaca-pembaca berita memakai pakaian yang kemas dan sopan. Kementerian ini tidak bercadang untuk mengarah supaya pembaca-pembaca memakai baju Melayu dan songkok kerana pembacaan warta berita cumalah satu proses penyampaian berita-berita di dalam dan di luar negeri.

#### KEKURANGAN BAS-BAS

**22. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada

beliau sedar bahawa bas-bas sangat kurang pada waktu 7.00 hingga 8.30 pagi dan 4.30 petang hingga 6.00 petang iaitu waktu bagi pekerja-pekerja pergi dan pulang. Ramai pekerja-pekerja menunggu begitu lama di-perhentian bas dan apabila bas sampai terpaksa pula mereka berebut-rebut untuk mendapatkan tempat dan selalunya tidak dapat tempat dan terpaksa berdiri berdesak-desak. Jika ya, adakah beliau akan membenarkan bas-bas sekolah berkhidmat untuk membantu dan jika tidak,, mengapa.

**Dr Goh Cheng Teik:** Soalan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum kerana ia tidak menentukan tempat, kawasan perjalanan dan syarikat bas yang berkenaan. Oleh itu, jawapan yang khusus tidak dapat saya berikan. Walau bagaimana, jika Ahli Yang Berhormat ada butir-butir yang khusus, bolehlah Ahli Yang Berhormat menyampaikan ke Kementerian saya supaya penyiasatan dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat supaya digunakan bas-bas sekolah bagi mengatasi kekurangan bas-bas biasa, Kementerian ini berpendapat bas-bas sekolah tidak boleh digunakan, oleh sebab bas sekolah adalah khusus untuk murid-murid sekolah sahaja dan juga sekiranya bas-bas sekolah dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan tersebut, maka ditakuti perkhidmatan kepada murid-murid sekolah akan terganggu.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (BANK PEMBANGUNAN ISLAM)

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (8hb Ogos, 1977).

3.35 ptg.

**Tuan Abdul Rahim bin Manan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya yang telah ditangguhkan semalam bahawa penubuhan Bank ini sebanyak sedikit adalah atas daya usaha Yang Teramat

Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, bekas Perdana Menteri kita yang pertama dan patutlah kita mengucapkan terima kasih di atas daya usaha yang telah dibuatnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini tidak dapat bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh rakan-rakan saya semalam yang menyatakan bahawa kemunduran umat Islam adalah disalahkan kepada guru-guru agama yang lama-lama. Rasa saya perkara ini tidak patut kita menyalahi dengan buta-tuli bahkan patut kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru agama terutama sekali guru-guru pondok yang pada masa itu tidak mendapat satu sen juga pun bantuan daripada mana-mana pihak Kerajaan bahkan dengan usaha mereka sendiri mengajar agama. Dan saya harap Yang Berhormat yang bercakap semalam itu balik mengingat semula, kalau sekiranya seorang Islam semestinya menganggap yang dunia ini adalah tempat sementara. Tidak tempat yang kekal. Semalam seorang rakan saya Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa guru-guru agama itu mengajar kononnya yang dunia ini adalah sementara. Benar. Kalau sekiranya seorang itu benar-benar penganut agama Islam, maka dia mesti berpegang bahawa dunia ini adalah sementara bagi orang Islam. Perkara ini sepatutnya saya tidak bercakap tetapi kerana memikirkan manakala berjumpa kita dengan perkara-perkara yang mungkar itu, hendaklah kita tegur dengan serta-merta. Jadi bukanlah saya hendak merendahkan pendapat saudara saya Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membahaskan Bil untuk membenarkan Kerajaan kita meminjamkan wang Bank Pembangunan Islam yang baru didirikan, sememang patut kita memberi sokongan sepenuh-penuhnya. Sepertimana yang dinyatakan oleh yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa Yang Berhormat itu membentangkan Bil ini bahawa tiga projek Kerajaan Malaysia mungkin akan didirikan daripada pinjaman wang yang tersebut. Kalau tidak silap pendengaran saya bahawa satu daripadanya Pelabuhan Bintulu dan kemudian mendirikan kilang baja di Kedah dan satu lagi kalau tidak silap saya kilang simen di Pahang.

Jadi apa yang hendak saya sarankan dalam masaalah ini, saya harap manakala projek ini mendapat kemajuan, maka hasilnya patut sangat dinikmati oleh masya-

rakat Islam sekurang-kurangnya 50% kerana projek ini dipinjam daripada Bank Pembangunan Islam yang tidak mengenakan bunga satu sen pun. Saya rasa saya patutlah manakala projek ini terutama sekali baja dan simen faedahnya patutlah diberi semula kepada orang Islam samada menjadi wakil penjualnya nanti atau menjadi ejen-ejen yang besar. Jadi nanti wang daripada kumpulan Bank Pembangunan Islam maka umat Islam tukang tengok sahaja dengan tidak mendapat faedahnya sedikit pun daripada wang yang dipinjam daripada negara Islam.

Tentang pelabuhan itu tentulah saya rasa tidak dapat diperuntukkan khas kerana ini digunakan oleh semua manusia, tetapi untuk kilang baja dan kilang simen ini tentulah dapat Kerajaan membuat dasar-dasarnya yang tertentu dan menentukan bahawa ini patutlah dapat dinikmati oleh umat Islam yang ada di negara ini. Berhubung dengan kilang baja ini tidakkah berlawanan dengan kilang baja yang hendak didirikan oleh ASEAN iaitu baja urea, kalau tidak silap saya telah diputuskan dalam perbincangan ASEAN bahawa Kerajaan Malaysia ini ditugaskan untuk mendirikan kilang baja urea. Kalau berlawanan dengan kilang baja yang dirancang yang peruntukannya diminta daripada pinjaman Bank Pembangunan Islam ini akan bercanggah pula dan mendatangkan kerugian,, manakala rugi, kita dua kali rugilah. Jadi, saya haraplah projek ini dapat benar-benar dilaksanakan mengikut tujuan, jangan ada fikiran kerana wang ini tidak kena bunga tidak apalah, kita cuaikan sedikit pembinaannya, kerana berbelanya lebih sedikit pun, tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua, had itulah sahaja yang dapat saya katakan dalam masaalah ini. Saya menyokong Bil ini dengan sepenuh-penuhnya.

*3.43 ptg.*

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya bangun menyokong Akta Pinjaman Bank Pembangunan Islam 1977 ini.

Saya merasa sungguh-sungguh megah kerana dua orang pemimpin Malaysia ada berkaitan dengan kelahiran dan perkembangan Bank Pembangunan Islam ini iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj dengan pandangan

jauh dan daya-usaha beliau bank ini telah diwujudkan dan dikembangkan dan juga Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia, yang telah dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Bank Pembangunan Islam. Tambahan pula persidangan yang kedua Lembaga Gabenor Bank ini akan diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Mac tahun hadapan. Kita berharap pada waktu itu satu cawangan Bank Pembangunan Islam akan dapat dibentuk di Kuala Lumpur seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Mulia Tengku sendiri dalam persidangan Bank Pembangunan Islam di Mekah tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh mengalu-alukan tujuan utama Bank Pembangunan Islam ini yang akan memperuntukkan tanpa faedah sumber kewangan kepada negara-negara Islam untuk pembangunan mereka, di samping pembinaan pelabuhan Bintulu di Sarawak, projek membuat simen di Pahang dan projek baja di Kedah yang akan dibiayai oleh bank ini secara pinjaman atau penyertaan equiti. Wang lebihan atau pinjaman tambahan dari Bank Pembangunan Islam jika ada patutlah digunakan atas rancangan yang dianggap keperluan yang mendesak seperti rancangan untuk mengatasi masalah banjir, masalah kekurangan bekalan air di negeri-negeri yang terlibat, khususnya di Kuala Lumpur dalam bulan kemarau, meningkatkan pendapatan dan kehidupan kaum nelayan dan kaum petani dan membina lebih banyak dan lebih cepat lagi rumah pangsa atau rumah murah untuk rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju penuh dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan Rakyat baharu-baharu ini yang segala pinjaman dari Bank Pembangunan Islam akan memberi faedah kepada sekalian rakyat Malaysia tidak mengira ugamanya. Saya berharap kebenaran ini dan juga kempen penerangan dan seminar antara sektor swasta dan pelabur asing akan dijemput berhubung dengan persidangan yang kedua Bank Pembangunan Islam di Kuala Lumpur pada bulan Mac tahun hadapan haruslah menerangkan dengan lebih tegas lagi oleh pihak akhbar-akhbar, TV dan Radio Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak swasta akan dapat menyediakan lebih awal untuk mengambil bahagian dalam seminar

yang penting ini dan kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri hendaklah mengambil perhatian dan menyediakan atau membuat pengumuman pada bulan akan datang berkenaan dengan seminar ini untuk menarik lebih ramai lagi pelabur asing datang ke Malaysia menyertai seminar ini dan kita berharap mereka akan membuat beberapa joint venture dengan pihak swasta atau dengan perbadanan-perbadanan Kemajuan Ikhtisad di negeri-negeri **di negara kita ini**.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

*3.45 ptg.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka turut mengambil bahagian dalam perbincangan terhadap Rang Undang-undang yang digelar Akta Pinjaman Bank Pembangunan Islam 1977. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah membolehkan Kerajaan Persekutuan mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam yang telahpun ditubuhkan dan telahpun diperakui di Dewan ini pada masa yang lepas. Cuma pada masa itu kita tidak membolehkan Kerajaan Persekutuan meminjam dan itulah sebabnya maka Rang Undang-undang sedemikian rupa dibawa ke Dewan Parlimen untuk dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang berbincang dengan pegawai-pegawai Bank Pembangunan Islam semasa saya ada di Jeddah baharu-baharu ini dan jelaslah bahawa apa juga pinjaman yang dibuat kepada Kerajaan-kerajaan negara-negara Islam termasuk Malaysia, maka bayaran itu tidaklah dikenakan faedah. Tetapi masalah juga timbul bagi bank itu kerana ongkos-ongkos perbelanjaannya terpaksa ditanggung dan di sini apa yang saya difahamkan bahawa masalah-masalah itu belum lagi beres dan masih lagi jawapan-jawapannya terpaksa dicari dan saya percaya dengan adanya pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar bank di dalam Bank Pembangunan Islam ini saya percaya masalah-masalah itu dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negara kita Malaysia sungguhpun negara ini menganungi rakyat yang bukan beragama Islam tetapi dari kacamata Bank Pembangunan Islam ini adalah satu negara Islam yang layak meminjam, yang layak mendapat

bantuan daripada bank ini dan ini sangatlah kita megahkan dan apa juga pinjaman yang kita terima daripada Bank Pembangunan Islam ini akan digunakan bukan sahaja untuk rakyat yang beragama Islam tetapi juga untuk kebaikan rakyat keseluruhannya yang Islam dan yang bukan Islam, dan ini mestilah difahami oleh semua rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada Rancangan Malaysia Ketiga yang mana satu sumber besar yang terpaksa kita perolehi daripada luar negeri, kalau tidak salah saya, sebanyak \$5.8 ribu juta dan ini adalah satu sumber yang baik yang mana Kerajaan kita boleh mendapat bantuan. Kalau kita pandangan kepada rancangan-rancangan yang telahpun dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, ini belum lagi kita boleh mengatakan yang kita sudah berpuashati. Banyak lagi rancangan-rancangan yang terpaksa dibereskan sebelum akhirnya Rancangan Malaysia Ketiga. Kita telah berjalan, sungguhpun rancangan itu diluluskan pada tahun lepas, tetapi boleh dikatakan hampir setengah setengah jangka waktu telah beredar dan kalau kita pandangan projek-projek yang terpaksa atau yang patut diselesaikan sebelum akhir Rancangan Malaysia Ketiga ini banyak. Sungguhpun, sokongan daripada negara-negara lain terutamanya dari segi pasaran wang antarabangsa yang memberi kemudahan kewangan kepada kita itu menggalakkan tetapi rasa saya ada baiknya kalau kita pandang dengan lebih berat kepada sokongan yang boleh diberi oleh Bank Pembangunan Islam ini kerana terutamanya faedahnya tidak ada ataupun perbelanjaan yang dikenakan itu bolehlah dianggarkan minima dan jikalau itu menjadi satu sumber kewangan yang murah tidak ada sebab yang kita tidak pergi meminta kepada mereka bagi membantu kita.

Di sini nampaknya setakat ini hanya ada buat permulaan mengikut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tiga projek iaitu Projek Pelabuhan Bintulu, Projek Simen Pahang dan Projek Kilang Baja di Kedah. Saya percaya banyak lagi projek-projek yang boleh kita utarakan kepada Bank Pembangunan Islam ini dan meminta dikaji dan diberi kemudahan yang istimewa. Saya rasa adalah menjadi tanggungjawab kita terutama sekali pegawai-pegawai kita di peringkat perancangan untuk mengemukakan projek-projek dengan seberapa banyaknya, projek-projek yang boleh

membantu kita untuk membereskan sebelum akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Saya sedar apabila projek itu dikemukakan dan sekiranya diluluskan, itu memakan masa. Sekalipun Bank Pembangunan Islam telah bersetuju hendak memberi pinjaman tetapi tarikh hendak dikeluarkan (date of draw down) itu mungkin mengambil masa. Jadi itulah sebab saya suka menekankan di sini bahawa pentingnya kita memajukan kepada Bank Pembangunan Islam ini seberapa banyak projek, projek yang boleh ditimbang-kan oleh mereka, projek-projek yang viable, projek-projek yang menguntungkan rakyat kita untuk membangunkan negara kita, projek yang demikian kita kemukakan kepada Bank Pembangunan Islam. Saya difahamkan juga sungguhpun ada projek-projek yang telah dikemukakan oleh negara-negara Islam yang lain tetapi mereka juga lambat. Rasa saya oleh kerana memandangkan Bank Pembangunan Islam ini sudahpun ada dan kalau kita sudah menyediakan projek kita saya rasa sukar bagi Bank Pembangunan Islam untuk menolak permohonan kita.

Tuan Yang di-Pertua, daripada cara-cara Bank Pembangunan Islam ini hendak meminjamkan saya nampak mereka telah mengeluarkan garis panduan dasar dan peraturan-peraturan kegiatannya yang telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama, kegiatan biasa; kedua, kegiatan tabling khas; dan ketiga, kegiatan tabling amanah. Dan daripada penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini hanya kegiatan biasa sahaja meliputi penyertaan modal di dalam projek-projek pembangunan secara langsung dengan mengambil equiti di dalamnya dan kedua memberi pinjaman untuk projek-projek sektor awam seperti kemudahan-kemudahan asas dan juga sektor swasta dan yang ketiga memberi bantuan teknikal. Inilah kegiatan biasa yang sekarang ini sedang berjalan dan saya suka mendapatkan sedikit penjelasan, sekiranya Bank Pembangunan Islam memberi kita kemudahan mengikut kegiatan biasanya iaitu kegiatan biasanya yang pertama—penyertaan modal di dalam projek-projek pembangunan secara langsung dengan mengambil equiti—dapatkah kita setakat ini penjelasan daripada pihak Kerajaan apakah rancangan, apakah caranya yang boleh Kerajaan menerima. Adakah penyertaan equiti itu bermakna yang ia akan terus berkekalan

ataupun seperti Dasar Ekonomi Baru juga, adakah penyertaan equiti itu hanya buat sementara waktu? Mungkin kalau projek-projek yang besar dari tempoh 10-15 tahun dan selepas itu diserahkan balik kepada negara atau kepada orang-orang perseorangan yang mampu membeli balik equiti itu atau bagaimana? Perkara-perkara yang semacam ini perlu dijelaskan kerana kalau tidak begitu mungkin ada pertelingkahan sedikit dengan Dasar Ekonomi Baru. Saya sedar kita memerlukan pelaburan yang banyak bukan sahaja daripada negara-negara barat tetapi juga daripada negara-negara Islam dan di sini jikalau Bank Pembangunan Islam mengambil bahagian, itu boleh dianggap sebagai pelaburan juga oleh Bank Pembangunan Islam itu dan ini oleh kerana kita ada kaitan dengan dasar yang kita luluskan perlulah dijelaskan supaya apabila kita menerima projek-projek ataupun penyertaan equiti daripada Bank Pembangunan Islam ini kita tahu yang ini hanya buat sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat sedikit lagi penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan cara-cara lain jikalau umpamanya penyertaan Bank Pembangunan Islam ini bukannya secara mengambil equiti tetapi secara memberi pinjaman iaitu di bawah caranya yang kedua dibuatkan di dalam kegiatan biasanya iaitu memberi pinjaman untuk projek-projek sektor awam seperti kemudahan asas dan juga sektor swasta. Sungguhpun di sini ada dikatakan bahawa Bank itu tidak ada mengenakan faedah tetapi rasa saya kalau dia tidak mengenakan faedah tentulah dia mengenakan satu-satu charge secara lain, mungkin tidak digelarkan faedah tetapi digelarkan cara lain.

Jadi saya minta penjelasan di sini apakah caj-caj yang lain itu, ongkos-ongkos lain yang terpaksa dibayar itu boleh ditafsirkan tidak dimaksudkan dengan erti kata faedah. Kalau kita pandang kepada peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini umpamanya pihak Kerajaan apabila menerima pinjaman nanti boleh mengeluarkan apa-apa bon, surat janji hutang atau lain-lain suratcara dan sudah tentu Bank Pembangunan Islam memerlukan sedemikian sebagai menggantikan cagar. Ini memanglah menjadi satu perkara biasa dan saya suka mendapat penjelasan di sini samada

kalau dikeluarkan bon sedemikian rupa adakah itu termasuk bayaran yang boleh dianggap sebagai faedah ataupun bagaimana.

Setakat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, sumbangan saya terhadap perbincangan Rang Undang-undang ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya.

*4.01 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:**

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil bahagian sama dalam perbincangan Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam yang sedang kita bincangkan sekarang ini dan saya sukalah menyatakan terlebih dahulu bahawa saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini dan di samping sokongan saya itu sukalah saya memberi sedikit-sebanyak pandangan.

Pertama sekali saya suka memberi ucapan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kita sendiri yang mana telah memberi sokongan dan kerjasama yang kuat bagi menubuhkan Bank Pembangunan Islam yang beribu pejabat di Jeddah yang mana salah seorang daripada tokoh negara kita telah memainkan peranan yang penting dalam usaha mengasaskan penubuhan ini. Selain daripada itu sukalah saya juga mengatakan tahniah kepada Kerajaan-kerajaan Islam yang telah memberi sokongan yang sama dan telah memberi sumbangan modal yang begitu banyak dalam hasil negara mereka untuk mencipta sebuah bank yang mana dalam dunia ekonomi sekarang ini bank yang ditubuhkan ini adalah sedikit berasingan daripada sistem bank-bank yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian sedikit kepada perbezaan Bank Pembangunan Islam ini yang dikenali dengan tanpa faedah (interest) yang pada satu masa dahulu banyak ahli-ahli fikir dan ahli-ahli ekonomi yang mengatakan tidak mungkin boleh dilaksanakan sistem bank tanpa bunga atau tanpa faedah tetapi alhamdulillah, sekarang ini setelah kita mempunyai banyak pakar-pakar ekonomi Islam dan telah membuat kajian-kajian, maka mereka telah dapat menerima suatu kaedah bank yang boleh dilaksanakan dalam dunia sekarang ini melalui sumber-sumber kewangan negara-negara Islam sendiri dan cuba mempraktikkan sistem pinjaman tanpa bunga kepada dunia

dan cuba memperkenalkan secara praktikel, bukan secara teori. Jadi dengan terlaksananya bank ini dapatlah kita berharap dengan sepenuh-penuhnya bahawa perlaksanaannya akan dilakukan dengan sebaik-baiknya supaya sistem Bank Pembangunan Islam ini tidak menempuh kegagalan yang mana kalau disalahgunakan dari segi pentadbiran dan sebagainya kegagalan itu tidaklah bererti berpunca daripada kegagalan tidak baiknya sistem, tidak baiknya kaedah pinjaman ala-Islam yang kita junjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian tentang pinjaman yang akan dibuat oleh Kerajaan Malaysia kita daripada Bank Pembangunan Islam ini yang mana pada saya inilah suatu sumbangan daripada terciptanya bank ini dan benar-benar faedahnya akan dapat dilakukan oleh pihak Kerajaan kita untuk memberi faedah kepada masyarakat yang susah sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru kita yang mana bukan sahaja untuk orang-orang Islam sebagaimana kita dengar setengah-setengah Ahli Yang Berhormat menyarankan supaya diuntukkan kepada orang Islam sahaja, saya tidak berapa setuju, sebab Islam sendiri suatu usaha yang dilakukan oleh pemerintah Islam bukan hanya khusus bagi orang Islam sahaja, ia akan melibatkan seluruh rakyat yang dikuasai oleh Kerajaan Islam itu samada rakyat itu Islam ataupun bukan Islam. Ertinya tanggungjawab Kerajaan sesebuah Kerajaan Islam itupun tidak hanya terpaksa kepada orang Islam sahaja dia akan memberi perlindungan, rahmat dan kemudahan-kemudahan kepada seluruh rakyat dalam kekuasaan negara itu sendiri. Jadi saya sukalah menarik perhatian supaya rancangan-rancangan lebih banyak dikemukakan kepada Bank Pembangunan Islam ini yang bertujuan untuk membaiki taraf hidup rakyat yang miskin terutama di luar bandar.

Inilah sahaja pandangan saya yang ringkas, Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Bil ini dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Kerajaan.

*4.08 ptg.*

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian yang telah bangun menyokong Bil ini dan juga yang telah memberi beberapa pandangan-pandangan yang utama.

Sebelum saya menyentuh beberapa daripada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, inginlah saya memberi maklumat untuk Dewan yang mulia ini beberapa perkara yang mungkin juga akan menjawab beberapa soalan seperti soal yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, juga soalan yang dikeluarkan oleh Puan Hajjah Salmah mengenai dasar dan juga peraturan pinjaman ataupun sumber kewangan yang boleh diperolehi daripada Bank Pembangunan Islam. Mengikut dasar dan juga peraturan Bank Pembangunan Islam ini yang mana diterbit atau dikeluarkan pada bulan Mac, 1976 jumlah maksimum pinjamannya bagi satu-satu projek ialah 20 juta Islamic Dinar ataupun lebih kurang \$60 juta. Manakala jumlah minima ialah 2 juta Islamic Dinar ataupun \$6 juta dan Bank Pembangunan Islam ini tidak akan mengenakan bunga seperti yang saya sebutkan hari itu ke atas pinjamannya dan ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip syariah tetapi sebaliknya bank ini akan mengenakan apa yang dipanggil "service fee" ataupun "bayaran perkhidmatan" di antara 2.5% hingga 3% mengikut projek yang dibiayai. Jadi itu sahajalah yang dikenakan supaya dapat membiayai onkos-ongkos pentadbiran dan pengurusan bank itu.

Tempoh maksimum bagi bayaran balik atas pinjaman-pinjaman ialah 40 tahun iaitu termasuk grace period ataupun tempoh bebas bayaran selebih-lebihnya 10 tahun. Kita dapati bagi projek-projek yang mana Bank Pembangunan ini menyertai modal, jumlah penyertaan modalnya adalah sama seperti yang tertakluk kepada penyertaannya iaitu tidak lebih daripada 1/3 modal yang dibayar. Jadi setakat itu sahaja mereka akan melaburkan kewangan. Tentang projek-projek yang akan dibiayai dalam apa cara juga, satu daripada syaratnya ialah projek itu tidak menyertai tujuan yang melanggar hukum syariah seperti projek-projek perjudian dan jika pinjaman diperolehi, maka jaminan Kerajaan ataupun Government guarantee hendaklah diberi bagi tiap-tiap pinjaman ke atas projek-projek tadi. Itu adalah dasar-dasar asas bank itu menjalankan usaha membiayai atau memberi kewangan.

Pada peringkat ini rasa saya eloklah juga saya tegaskan bahawa apa juga pembiayaan kewangan yang diperolehi oleh Kerajaan kita daripada Bank Pembangunan Islam adalah akan dihalakan untuk projek-projek pembangunan yang mana menafaatnya tidaklah semestinya dikhususkan kepada mana-mana satu kaum ataupun satu pihak atau kelompok ugama sahaja. Sebenarnya, pinjaman ataupun pembiayaan yang kita akan terima adalah untuk membantu process pembangunan yang menyeluruh di negara ini dan pembangunan dalam ertikata dari segi semua menafaat itu akan tersibar luar kepada semua rakyat di negara yang mana kita tahu tidak ada batasan bagi kemiskinan, misalnya, dari segi kaum atau ugama dan juga pembangunan ini tidak ada batasan antara kaum. Jadi faedah daripada kewangan yang kita terima itu akan disalurkan seluas-luasnya kepada seluruh masyarakat kita.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memuji sikap pandang jauh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengenai penubuhan Bank Pembangunan Islam ini. Sebenarnya, memanglah kita menyanjung tinggi pandang jauh itu dan sekali lagi membuktikan bahawa falsafah Islam boleh diterjemahkan kepada praktik-praktik yang sangat memberi faedah dan menafaat kepada negara dan rakyat di mana pengembelian tenaga ekonomi negara Islam boleh mewujudkan satu unsur yang dinamis untuk menggerakkan pembangunan di negara-negara Islam.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menyarankan beberapa cara kewangan yang akan digunakan dan juga menyarankan supaya projek yang kita hendak kemukakan ini biarlah projek yang akan membantu golongan miskin yang berpendapatan rendah dan juga projek yang akan dapat memenuhi keperluan Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya dalam ucapan saya tempoh hari saya telah menegaskan hanya tiga projek sahaja buat peringkat pertama. Sebenarnya, apabila rombongan Bank Pembangunan Islam datang baru-baru ini di mana ianya terdiri daripada dua orang pegawai dan seorang consultant, mereka selain daripada dapat mengesan ketiga-tiga projek yang saya telah kemukakan itu, ada juga mereka menjalankan beberapa perbincangan, khususnya perbincangan dengan institusi kewangan tempatan iaitu untuk meninjau samada kemungkinan Bank Pembangunan Islam membuat pelaburan jangka

pendek dan juga pelaburan jangka pertengahan di dalam institusi-institusi ini. Di antara institusi di mana rundingan telah dibuat termasuklah berbincang dengan PERNAS Securities. Dalam perbincangan dengan PERNAS Securities ini didapati bahawa ada kemungkinan Bank Pembangunan Islam ini menyaiurkan modal berjumlah lebih kurang \$110 juta untuk membolehkan PERNAS Securities membeli saham di dalam syarikat-syarikat ladang tertentu supaya dapat PERNAS mempunyai kuasa yang lebih kuat di dalam perjalanan syarikat-syarikat itu. Di dalam kertas kerja yang dikemukakan oleh PERNAS Securities kepada rombongan Bank Pembangunan Islam itu melibatkan satu cadangan di mana penanaman modal oleh Bank Pembangunan Islam ini ialah dijangka untuk jangka masa 3-5 tahun di mana PERNAS Securities memberi jaminan keuntungan kepada bank ini berupa dividend sekurang-kurangnya 6% setahun. PERNAS Securities juga memberi jaminan yang saham itu akan dibeli balik oleh PERNAS Securities pada satu masa yang ditetapkan kelak mulai daripada tahun keempat dan tahun kelima dan juga pada harga yang diperolehi pada peringkat awal iaitu at cost price. Jadi ini datallah menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin yang ingin tahu apabila kewangan diperolehi dari segi pembelian saham seperti itu adakah dipegang selama-lamanya atau adakah option bagi badan Kerajaan yang mengambil bahagian itu membeli balik saham. Jawabnya ada seperti projek yang dibuat oleh PERNAS Securities itu dan dengan projek yang dikemukakan oleh PERNAS Securities diharap Bank Pembangunan Islam bukan sahaja dapat keuntungan dari segi jaminan dividend yang akan dibuat oleh PERNAS Securities tetapi juga dapat Malaysia sendiri dibantu mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dan juga mencapai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru melalui penglibatan PERNAS Securities di dalam syarikat ladang tertentu tadi dan perkara ini adalah sedang dibawa kepada Lembaga Executive Bank Pembangunan Islam untuk dibincangkan.

Begitu juga perundingan telah diadakan dengan syarikat-syarikat kewangan yang lain seperti Amanah A.S.A. International Finance yang mana Syarikat Amanah A.S.A. adalah satu daripada anak syarikat MARA dan telah diadakan perundingan untuk meninjau samada boleh ujud kerjasama di antara

kedua pihak itu dalam perniagaan sewamenyewa ataupun leasing business dan kita dapat cadangan dikemukakan ialah supaya Bank dapat menyertai di dalam modal permulaan sebanyak antara US\$1-US\$2 juta. Begitu juga perbincangan telah diadakan dengan bank-bank seperti Aseam Bankers dan Bumiputra Merchant Bank di mana dibincangkan perkara mengenai penglibatan kewangan.

Selain daripada itu ada juga kajian dibuat yang berdasarkan appraisal of project khususnya appraisal ke atas Bank Pembangunan Malaysia iaitu untuk meninjau sejauh manakah Bank Pembangunan Malaysia ini dan pihak Bank Pembangunan Islam dapat bekerja sama dalam membiayai projek kecil melalui penyertaan modal oleh Bank Pembangunan Islam dan ada beberapa cadangan yang telah dikemukakan untuk disampaikan seterusnya kepada Lembaga Pengarah Executive untuk keputusan muktamat. Begitu juga ada lain projek kecil yang telah ditinjau kemungkinannya oleh rombongan yang datang tempoh hari, termasuklah misalnya projek minyak kelapa sawit di Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah, kilang ubi kayu oleh S.E.D.C. Johor dan juga beberapa kilang besi misalnya Benkitisar, Paper Mill dan Antara Steel Mill. Jadi ini kemungkinan yang Bank ini meninjau samada penyertaan boleh dibuat atau tidak dan untuk membiayai projek yang telah mereka tinjau itu rombongan dari Bank tersebut telah membayangkan kemungkinan Malaysia mendapatkan satu line of credit berjumlah lebih kurang \$10 juta Islamic Dinar atau M\$27.4 juta. Jadi, itu daripada beberapa perkara yang telah ditimbulkan akibat daripada rombongan Bank yang datang meninjau ke Malaysia.

Selain daripada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya dalam kita menjalankan projek ini kita patutlah menggunakan sepenuhnya peluang untuk mendapatkan sebanyak-banyaknya modal yang boleh atau kewangan yang boleh dari Bank Pembangunan Islam. Sememangnya ialah tujuan Kerajaan untuk mendapatkan sumbangan kewangan ataupun punca-punca kewangan seperti dari Bank Pembangunan Islam, apatah lagi jika sumber kewangan itu murah dan syarat-syaratnya juga kalau dibandingkan dengan sumber-sumber lain agak longgar juga yang memberi faedah kepada kita. Pihak Kerajaan akan sentiasalah

mengesan dan juga meninjau dalam jangka masa panjang apakah jenis-jenis projek yang dapat kita utarakan kepada Lembaga Pengarah Bank Pembangunan Islam sendiri untuk kita mendapatkan pembiayaan. Rasa saya sangatlah wajar bagi negara Malaysia ini menggunakan peluang ini sepenuhnya kerana kita tahu dengan rancaknya Pembangunan Rancangan Malaysia Ketiga dan juga Dasar Ekonomi Baru keperluan kewangan daripada sumber asing adalah besar, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi lebih daripada \$5.8 ribu juta dikehendaki Tetapi di sini inginlah saya menegaskan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah perlu begitu runsing tentang pinjaman-pinjaman dari luar negeri daripada lain-lain sumber selain daripada Bank Pembangunan Islam, runsing dari segi bayaran-bayaran yang hendak dibayar, kerana kita tahu setaiat ini misalnya setakat 31-12-76 kita ada membuat banyak pinjaman-pinjaman luar negeri tetapi mengikut perangkaan Bayaran Khidmat Hutang Luar Negeri (Foreign Debt Servicing) bagi negara kita ini iaitu yang merupakan bayaran pokok dan bayaran bunga ke atas pinjaman itu adalah cuma 3.7% sahaja daripada jumlah eksport negara Jadi bermakna sungguhpun kita pada lazimnya meminjam daripada sumber-sumber di mana bunga mesti dibayar dan syarat-syaratnya tidaklah sebegitu longgar seperti Bank Pembangunan Islam. Di masa-masa yang lepas tidaklah begitu teruk beban kita kerana kalau kita tinjau 3.7% ini sebenarnya adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan lain-lain negara samada yang maju ataupun yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya itulah sahaja yang hendak saya jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan insya Allah apa juga pandangan-pandangan yang telah dikemukakan itu akan diambil perhatian oleh Kerajaan dan akan diambil perhatian oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan di mana projek-projek itu kelak akan diletakkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan

### **RANG UNDANG-UNDANG RACUN (NATERIUM ARSENIK) (PINDAAN)**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.25 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Racun (Naterium Arsenit) 1949.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 2 Ordinan tersebut bagi mengadakan peruntukan untuk menetapkan bayaran-bayaran berhubung dengan perkara-perkara yang diperuntukkan di dalam Peraturan-peraturan itu.

Ordinan yang ada sekarang ini menyediakan peraturan dan kawalan ke atas impot, penjualan dan penggunaan Naterium Arsenit. Di bawah Peraturan-peraturan Racun (Naterium Arsenit) 1949, khususnya seksyen 4, permit-permit dikeluarkan kepada orang-orang yang jujur (*bona fide*) untuk membeli, menyimpan dan menggunakan Naterium Arsenit bagi maksud pertanian, penanaman pokok-pokok dan perkebunan. Perundangan sekarang tidak mengadakan perbekalan untuk membolehkan bayaran-bayaran dikenakan ke atas permit-permit yang dikeluarkan itu. Untuk membolehkan Kementerian saya mengenakan bayaran ke atas permit-permit yang dikeluarkan itu, adalah perlu dipinda seksyen 2 Ordinan Racun (Naterium Arsenit) 1949.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Racun (Naterium Arsenit) 1949 dibaca kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini sekarang.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.28 *ptg.*

**Dr Lim Ah Sitt:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil Racun (Naterium Arsenit) (Pindaan) 1977 dan saya cuma suka memberi sedikit pandangan saya atas Bil ini.

Rang Undang-undang ini hanya satu pindaan mengadakan peruntukan bagi mendapatkan bayaran berhubung dengan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan itu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini iaitu naterium arsenit atau sodium arsenite adalah satu racun jahat yang sangat berbahaya. Satu bahan kimia yang mengandungi arsenit iaitu satu racun yang jahat yang sangat berbahaya yang boleh membunuh lalang, rumput dan sekeliannya dengan cepat dan berkesan tetapi ia boleh juga membahayakan kepada ternakan seperti ayam, itek, lembu, kambing, ikan dan sebagainya dan begitu juga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai doktor persendirian pernah merawat beberapa kes penyakit kulit iaitu dermatitis (*arsenical dermatitis*) bagi pekerja-pekerja ladang yang menggunakan sodium arsenite untuk meracun lalang di kebunnya kerana sodium arsenite adalah satu racun yang murah dan berkesan tetapi berbahaya.

Oleh itu, saya suka menarik perhatian Dewan ini dan mendesak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang wajar, sesuai dan tepat untuk mengawal pengimpot, jualan dan penggunaan kimia ini. Sepatutnya amaran yang jelas diberi kepada sesiapa yang menggunakan racun ini dan pekerja-pekerja yang menyembur racun ini hendaklah memakai sarung tangan, tudung muka, seluar dan baju panjang dan juga boot. Dan juga ladang-ladang yang ada ternakan dan kolam air dan aliran air kebun ini patutlah dihalang menggunakan racun ini. Itulah sahaja pandangan saya.

4.31 *ptg.*

**Datuk Haji Ahmad bio Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang Racun

(Naterium Arsenit) (Pindaan) ini sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Tadi Yang Berhormat rakan sejawat saya Dr Lim Ah Sitt telah mengatakan dan saya gemar membuat tambahan bahawa racun ini ada faedahnya, tidak ada mudahrat. Faedahnya racun itu pada yang dikehendaki sangat oleh peladang-peladang besar, tujuannya kerana membunuh pokok, lalang, menyuburkan tanah dan menyuburkan tanam-tanaman. Dengan sebab itu racun ini berjalan sehingga sekarang. Saya dapat tahu bahawa Kerajaan hendak mengharamkan kemasukan racun ini tetapi sampai sekarang berjalan lagi. Saya bimbang bahawa Kerajaan lebih suka melayan kehendak-kehendak peladang-peladang besar ini daripada kepentingan rakyat dalam negeri ini.

Satu perkara lagi mudaratnya racun ini sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi mendatangkan mudarat kepada buruh-buruh, mendatangkan penyakit kulit kepada sesiapa yang menggunakan racun ini, membunuh pokok-pokok yang berhasil, kadangkala digunakan oleh manusia. Kalau dia kurang puas hati dengan satu keadaan, dia tidak dapat wang, pemeas wang ini digunakannya racun ini, dia pergi takik pokok itu dan dibubuh racun ini. Ini satu merbahaya kepada negara kita, hasil negara kita.

Selain daripada itu disalahgunakannya pula, diambil racun ini, kalau dia membalas dendam dengan seseorang, hendak bunuh seseorang itu dengan menggunakan racun ini pun terjadi. Jadi saya memandang bahawa racun ini adalah banyak mudaratnya daripada menafaat.

Walaupun Jabatan Kesihatan ini berusaha dengan seberapa daya upaya mengawal dengan mengadakan peraturan tetapi peraturan ini tidak dapat dijalankan. Kadangkang pegawai-pegawai Kesihatan itu dia tidak pergi ke ulu-ulu sana. Dia dengar penerangan daripada pekebun yang hendak menggunakan racun ini. Katanya dia berpuas hati walhalnya kebun yang di ulu itu yang hendak diracun itu mengandungi air sungai dan juga kawasan kampung. Ini satu perkara yang mendatangkan kesulitan kepada rakyat dalam negeri ini walaupun di segi pembangunan sangat baik pada menggunakan racun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi meminta kepada Kerajaan supaya mengharamkan dengan seberapa segera yang boleh racun ini dimasukkan dalam negeri kita. Sebelum daripada Kerajaan mengharamkan tadi Kerajaan telah mengadakan satu peruntukan supaya dapat mengutip cukai-cukai hasilnya daripada penjualan racun ini, saya gemar memberitahu Kerajaan iaitu patut Kerajaan dari sekarang menyemak balik segala kerosakan-kerosakan binatang-binatang, pampasan-pampasan yang wajib dibayar kepada petani-petani kita akan binatang-binatang ternakannya atau hartanya dari sekarang, sebelum daripada kita haramkan ini yang kita sekarang membuat kajian-kajian, membuat pembayaran kepada mereka yang terlibat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Kementerian ini hendaklah meninjau dan mengawasi ahli-ahli perniagaan yang ada permit ini menggunakan kesempatan menjual racun ini, mendapat racun ini dengan cara diseludupkan oleh Ahli perniagaan. Dahulu racun ini kita dapat daripada Eropah, tetapi pada saat-saat yang akhir ini racun ini kita dapat daripada Negeri China yang berbentuk powder dan juga air dan racun ini lebih merbahaya yang datang daripada Eropah. Jadi saya harap kesempatan permit atau lesen yang diberi kepada ahli-ahli perniagaan berhubung dengan racun ini dia telah salahgunakan dengan membeli racun-racun yang diseludupkan dalam negeri ini, sebab racun ini sangat berguna kepada mereka khasnya kepada ahli-ahli ladang-ladang yang besar.

Sekianlah sahaja pandangan saya dan sekali lagi saya memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

*4 36 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaaknb:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil bahagian sama dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Saya ada satu pandangan iaitu di samping Kerajaan mengawal kemasukan racun ini dari luar negeri, saya suka mencadangkan supaya pihak Kerajaan sahaja yang mengimpot, tidak kepada swasta supaya kawalan

ini dapat terjamin benar-benar kita mengelakkan daripada racun yang begitu merbahaya kepada manusia dan apabila disalahgunakan maka boleh menyebabkan kematian. Saya rasa lebih baik Kerajaan sendiri mengimpot kalau benar-benar racun ini perlu untuk sesuatu tujuan, kemudian Kerajaan sendiri membahagikan dengan suatu ketentuan cara dan sebagainya.

Saya rasa itulah sahaja pandangan saya secara ringkas, supaya penyalahgunaan racun ini tidak berlaku sepertimana yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan juga oleh pihak Kementerian sendiri.

*4.38 ptg.*

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Dr Lim Ah Sitt, Datuk Haji Ahmad Arshad dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin yang telah memberi pandangan-pandangan terhadap masalah racun yang dinamakan Nateriam Arsenit ini.

Memanglah, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan Nateriam Arsenit ini satu racun yang merbahaya, yang ganas, yang boleh mematikan pokok, rumput, bukan sahaja pokok dan rumput manusia begitu juga, dia boleh mematikan. Oleh kerana ini Kerajaan telahpun mengambil ketetapan dan mengambil keputusan untuk menahan (ban) daripada dibawa masuk racun ini ke dalam negeri ini. Cuma yang ada sekarang ini oleh kerana barangkali racun ini dibawa masuk terlalu banyak pada satu masa dahulu dan apabila Kerajaan menahan kemasukan racun itu, masih ada di dalam stok-stok orang-orang yang berniaga racun ini. Oleh kerana itu sekarang ini masalah import tidak berbangkit—tidak masuk lagi. Bukan sahaja Kerajaan hendak masuk, orang ramai pun tidak boleh masuk, cuma yang lata mengadakan Rang Undang-undang ini untuk menghabiskan stok yang ada.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, bermula daripada lhb September, 1977 ini, sekarang sudah 9hb Ogos 1977. jadi 23 hari lagi racun ini Kerajaan tidak membenarkan digunakan untuk menghapuskan rumput-rumput dan lalang-lalang cuma yang kita benarkan racun ini untuk membunuh

pokok semata-mata. Jadi daripada lhb September 1977 nyatalah bahawa soal racun nateriam arsenit itu dapat dikawal betul-betul oleh Kerajaan dan apa yang saya dan Kementerian berharap supaya pihak-pihak yang berkenaan dapat menggunakan keperluan yang betul-betul memberi faedah dan mereka ini janganlah menjadi musuh kepada orang lain.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, selama ini permit kita keluarkan, tetapi kita tidak mengenakan bayaran. Jadi oleh kerana Kerajaan memikirkan kalau kita keluarkan permit sedikit sebanyak kita dapat bialk, maka kita akan mengenakan bagi tiap-tiap permit itu \$100. Kalau sekarang ini orang-orang yang mempunyai misalnya 90 permit, jadi kalau \$100 untuk satu permit kita akan dapat \$9,000 setahun. Dengan jalan itu kita dapat membayar kerugian-kerugian dengan sebab kematian kerbau, lembu, kambing kerana kalau binatang-binatang ini mati kita kena ganti balik.

Itulah sedikit sebanyak penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.45 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

### RANG UNDANG-UNDANG LALU-LINTAS JALAN (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

**Timbalan Menferi Kerjaraya dan Kenradahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya **Rang Undang-undang** bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dibaca kali yang keduanya sekarang.

Pada masa yang lepas sukarelawan Polis telah diberi lesen memandu Kereta Polis untuk memboiehkan mereka memandu kereta-kereta Polis di bawah Emergency Regulation Ordinance, 1948 Dengan penguatkuasaan Ordinan Lalulintas Jalan 1958 semua, lesen-lesen pemandu yang dikeluarkan kepada Sukarelawan Polis telah ditarik balik.

Di bawah Seksyen 2 Ordinan ini istilah "Member of the Forces" telah digunakan. "Member of the Forces" termasuk antara lainnya "Seorang Pegawai Polis". Mengikut takrif yang diberikan oleh Peguam Negara, Sukarelawan Polis bukanlah anggota Polis Di Raja Malaysia. Oleh yang demikian, anggota Sukarelawan Polis tidak termasuk dalam takrif "Member of the Forces".

Adalah menjadi hasrat Pasukan Polis di Raja untuk mengeluarkan semula lesen-lesen pemandu kereta Polis kepada Anggota-anggota Sukarelawan Polis yang terlatih. Dengan ini dapatlah mereka membantu anggota-anggota Polis Biasa sebagai pemandu jika perlu apabila mereka dikerah untuk berkhidmat aktif. Di samping itu jika tidak di dalam perkhidmatan aktif, mereka boleh ditugaskan sebagai pembantu atau menjalankan latihan sebagai pemandu, maka perlulah takrif "Member of the Forces" yang tersebut di bawah seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dipinda dengan menambah perkataan "a Police Volunteer Reserve," "extra Police Officer" dan "Auxiliary Police" di samping perkataan "a Police Officer".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.08 ptg.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil sedikit sahaja bahagian dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang ini.

Saya sebenarnya tidak ada keberatan untuk mempersetujui atas pindaan ini dengan menambah perkataan "Sukarelawan Polis" pada tafsiran yang telah ada di bawah Seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Saya suka mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada kategori pegawai polis ini adakah kategori yang berasingan dengan rakyat biasa dari segi Ordinan Lalulintas Jalan, kerana kalau saya beri contoh, kalau rakyat biasa sebelum mendapat lesen memandu terpaksa seseorang itu mengambil peperiksaan di bawah Seksyen 28 Ordinan Lalulintas Jalan Dan di situ sebelum dia boleh mengambil peperiksaan itu terpaksa dia meletakkan tanda "L" beberapa lama dan semasa memakai lesen "L" ataupun lesen pelajar seseorang itu tidak boleh memandu kereta cuma seorang lain sahaja yang mempunyai lesen penuh di sisinya. Tetapi saya nampak anggota polis kita tidak begitu. Kalau Tuan Yang di-Pertua berpeluang berjalan pagi-pagi umpamanya di Jalan Tun Dr Ismail, selalu Tuan Yang di-Pertua boleh nampak lori-lori polis kadang-kadang 5-6 buah berderet-deret yang mana pemandu-pemandu baru sahaja hendak belajar dan dipasang tanda "L" di hadapan tetapi di dalam lori polis itu sampai 5-6 orang yang ada bersama dengannya.

Ini saya suka bertanya, adakah mereka ini dikecualikan daripada Ordinan Lalulintas Jalan tahun 1958 ataupun mereka sama juga terkena kepada undang-undang ini? Kalau mereka menggunakan jalanraya yang mana orang-orang biasa ada, yang mana mereka memandu lori-lori yang besar, itu juga boleh mengakibatkan kemalangan dan jikalau satu-satu peraturan itu dikenakan kepada rakyat biasa patutlah juga dikenakan kepada anggota polis yang menggunakan jalanraya biasa yang digunakan oleh rakyat biasa. Inilah yang saya hendak minta penjelasan. Saya tidak ada keberatan hendak menambahkan

tafsiran atau takrif pegawai polis ini memasuki sukarelawan polis, tetapi saya minta penjelasan di sini supaya janganlah kita ada dua kelas atau kategori, satu bagi kategori polis dan satu lagi untuk rakyat biasa.

5.12 *ptg.*

**Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian sedikit di dalam perbincangan Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) ini.

Sebagai yang telah disampaikan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, pentafsiran ini tidaklah menjadi masalah kepada kita semua untuk menerimanya dengan senang hati. Di dalam Bil ini juga kalau saya tidak silap supaya membanyakkan lagi pegawai-pegawai polis yang dapat mengawas lalulintas di bandar-bandar kita ini supaya dengan pertolongan segolongan ahli-ahli sukarelawan polis ini menceburkan masanya kepada perkhidmatan rakyat di dalam bandar mahupun di luar bandar.

Apa yang suka saya tekan di sini kalau ini sahajalah cuma membanyakkan kakitangan mengawasi kedudukan lalulintas tetapi di dalam erti kata menjalankan hak asasi undang-undang lalulintas itu tidak sebegitu ditekankan, tidak sebegitu dikuatkan sebagaimana yang ada sekarang ini kalau kita pastikan hampir-hampir tiga suku daripada pemandu-pemandu kereta yang ada di dalam negara kita ini lebih-lebih lagi di pekan besar yang mana road manners ini langsung tidak dihiraukan, apatah lagi undang-undang jalan, sebahagiannya tiada mengniraukan sama sekali, di mana sahaja dia hendak diletakkan motokar diletakkannya, di mana sahaja dia hendak memotong dipotongnya, di mana sahaja dia hendak berhenti dia berhenti. Jadi dengan enforcement ini kalau dapat dijalankan dengan tegas umpamanya di dalam persimpangan jalan yang mana ada tanda garis kuning yang mana di dalam box itu kita tidak boleh berhenti maka mereka juga berhenti. Ini patut diambil tindakan yang tegas samasekali jangan dihiraukan siapa juga yang ada di dalam motokar itu. Tetapi sekarang ini apabila dilihatnya macam kita memakai coat, neck-tie dan sebagainya maka dilepaskannya.

Dengan keadaan ini saya rasa tidak sepatutnya kerana undang-undang kita buat di sini, kita mesti patuh kepada undang-undang. Begitu juga dalam potong memotong jalan, ada yang memotong sebelah kiri, kadang-kadang bila sudah sampai ke dalam saluran dua lane yang mana kita tidak boleh masuk ke kiri dan ke kanan, dia pun masuk juga. Ini saya rasa patut diperkuatkan lagi supaya dapat kita mengamankan. Apabila lata sudah masuk satu lane, ikutlah lane itu walau ke mana kita pergi sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang saya suka menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan.

5.16 *ptg.*

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ordinan Lalulintas Jalan 1958 ini, saya suka menyentuh hal ini, segala usaha menambah dan melengkapkan anggota lalulintas ini adalah sangat digalakkan. Dalam hal ini, apa yang lebih patut ditekankan ialah menambah lagi kecekapan dan mutu perkhidmatan anggota-anggota polis tersebut. Sekiranya anggota-anggota polis yang ada itu cekap dan betul-betul dedikasi melaksanakan tanggungjawabnya maka bilangan anggota sudah tidak menjadi faktor pengukuran yang penting. Dalam pada itu juga sekiranya anggota itu banyak bilangannya dan cukup serta dilengkapi dengan senjata-senjata yang cukup, tetapi kalau ia tidak dedikasi dan penuh tanggungjawab maka membesarkan bilangan anggota pun tidak memberi kesan.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai selalu merungut apabila berlaku satu-satu kekacauan, kemalangan dan sebagainya maka orang ramai sentiasa berkata pada masa-masa kekacauan atau kemalangan itu berlaku tidak terdapat anggota polis di situ walaupun anggota tersebut tidak begitu jauh dari tempat kejadian itu. Apabila menerima berita sahaja baru bertindak dan lamanya mengikut rungutan-rungutan itu hanya berada di tempat-tempat tersebut apabila beberapa ketika kekacauan dan kemalangan itu berlaku. Bila anasir-anasir jahat sudah sempat beredar, barulah kelihatan anggota polis meluru ke tempat itu dan mengejar anasir jahat itu dan umumnya mengetahui anasir-anasir jahat itu dapat lepas lari, maka barulah diatur tindakan memburu dan menangkap anasir-anasir jahat itu. Begitu juga di

tempat-tempat kemalangan nanti dilaporkan, baru anggota polis menyusul ke tempat kemalangan itu, itupun tidaklah tergesa-gesa dan serta merta.

Dalam kedua-dua kes ini telah menandatangani kerugian yang besar kepada negara dan mencemarkan nama anggota polis walaupun kalau ia cekap dan berani serta penuh dedikasi maka anasir jahat dapat dibenteras dan dikawal dan mereka yang terlibat dalam kemalangan dapat pertolongan segera dan terkawal di dalam negara ini. Imej ini mestilah dibaiki agar anggota polis sebagai tugasnya meronda dan mengawal keselamatan tetapi bukan apabila dijemput baru datang untuk mengawal. Ini tidaklah bererti seluruh anggota polis itu termasuk dalam golongan ini. Memang tidak dapat dinafikan perkhidmatan anggota polis hari ini adalah sangat dibanggakan dalam aspek-aspek tertentu dan memang ada pula dalam satu-satu kumpulan manusia itu terdapat sebilangan kecil yang engkar. Ini dapatlah difahamkan dan akibat daripada sedikit yang engkar itu maka orang lain turut mendapat cemar.

Dalam pada itu terutamanya engkar demikian dalam anggota Polis mestilah dapat diatasi dan dihapuskan, kerana sebagai yang diamanahkan untuk menjaga keselamatan lalulintas mestilah melihatkan contoh-contoh yang tinggi, terutama menjaga keselamatan agar tidaklah rungutan-rungutan orang ramai yang begitu banyak tetapi tidak kuasa mereka kemukakan ini tidak timbul. Jadi kalau anggota Polis itu sebagai penjaga, pengawal amanah yang cukup tinggi amanahnya kalau perlu diadakan kursus, patutlah diadakan kursus orientasi khas bagi mencapai ketinggian menjaga amanah yang tinggi. Maka hal ini haruslah diutamakan dan tidak ada cara lain untuk mencapai ketinggian itu kecuali mengikut ajaran yang ditunjukkan oleh agama Islam. Dengan itu adalah diminta Kementerian yang berkenaan menjalankan urusan melaksanakan tanggungjawab ini mengikut ajaran agama kita yang suci, insya Allah anggota-anggota Polis yang bertugas mengikut jalan Allah akan sentiasa mendapat perlindungan dari Allah dan dapat menjalankan tugas untuk menjaga keselamatan lalulintas.

Inilah sahaja pandangan daripada saya, maka dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

522 ptg.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) yang sedang dibahaskan. Saya suka juga membuat beberapa pandangan berkenaan dengan masalah lalulintas terutama sekali berkenaan dengan kemalangan jalanraya yang sedang menjadi-jadi dalam negeri ini. Kemalangan jalanraya yang sedang menjadi dalam negeri ini ialah kerana soal pengawasan ataupun law enforcement agency yang tidak begitu tegas oleh kerana beberapa sebab.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebabnya pada pandangan saya ialah kerana hukuman (enforcement) atas kesalahan lalulintas itu tidak begitu dijalankan dengan tegas. Satu lagi perkara ialah tentang hukuman atas kesalahan lalulintas tidak begitu berat dan bila kesalahan-kesalahan itu pergi ke mahkamah, hukuman yang diberikan tidak begitu berat. Jadi saya harap pihak Kementerian akan mengambil berat atas perkara ini sebab Malaysia mempunyai satu daripada jalanraya yang paling baik dalam Asia tetapi di jalan-jalanraya inilah yang banyak membunuh dan membawa kemalangan kepada rakyat kita yang merugikan negara berpuluh-puluh juta ringgit tiap-tiap tahun.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang berkait juga dengan soalan ini ialah tentang gaji-gaji pihak Polis itu, saya rasa patut ditinggikan supaya mereka tidak menerima rasuah yang diberikan kepada mereka. Semau perkara ini menjadi pengetahuan orang ramai bahawa tiap-tiap kali diadakan road block, pihak-pihak Polis, bukan semua tetapi ada setengahnya mengambil sedikit-sebanyak wang sebab gaji mereka tidak begitu mencukupi. Jadi saya harap perkara ini akan mendapat perhatian supaya undang-undang yang kita buat ini akan lebih efektif atau lebih tegas dijalankan, jadi orang ramai pun akan takut dan hormat sedikit kepada pihak Polis dan pihak mereka yang menjalankan undang-undang itu. Jangan kerana mereka itu tidak cukup pendapatan mereka ambil \$1-\$2-\$3, jadi ini akan membawa fikiran atau fahaman orang ramai tidak menghormati, bukan sahaja kepada mereka tetapi juga kepada uniform mereka, kepada undang-undang dan kepada negara juga.

Kerapkali bila perkara begini dibawa dalam Dewan yang mulia ini jawapan dari pihak-pihak Kerajaan ialah kalau sekiranya saya ataupun rakan-rakan saya tahu berkenaan dengan hal ini, repotlah perkara itu kepada pihak yang berkenaan. Ini jawapan yang kita terima pada tiap-tiap masa daripada pihak Kerajaan, tetapi kita boleh membuat repot atas perkara-perkara yang tertentu tetapi bukan semuanya kita boleh dapat membuat repot kerana saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara cuma satu orang sahaja tetapi pihak Kerajaan, umpamanya pihak Polis mempunyai 50,000 ahli-ahli mereka. Bila kami membuat komplek dalam Dewan ini pihak Kerajaan patut membuat siasatan supaya dengan ahli-ahli mereka yang seramai 50,000 ahli Polis itu disiasat dan ambil tahu, kemudian membetulkan perkara yang tidak betul ataupun perkara yang patut dibetulkan. Saya harap pihak Kementerian dan juga pihak polis akan menerima pandangan dan sungutan ini dengan ikhlas, bukan dengan marah-marah pula ataupun dengan begitu sensitif untuk kebaikan rakyat dan negara Malaysia.

5.28 ptg.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) cuma saya ada dua cadangan yang kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita telah mengadakan dua orang Menteri yang bijaksana dan rajin, iaitu Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan oleh sebab memandangkan keadaan kemalangan di dalam negara kita, saya cadangkan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan kenderaan apabila beliau berjalan daripada Ibu Kota ke negeri-negeri dalam Malaysia ini di mana kedua-dua beliau ini boleh lihat keadaan jalan-jalanraya yang besar. Pada masa sekarang seperti mana kita semua sedia maklum Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma menggunakan kapalterbang, jadi beliau berdua ini tidak begitu faham keadaan lalulintas jalan di seluruh negara kita.

Apabila kita naik kapalterbang 3,500 kaki di udara kita nampak ke bawah semuanya hijau seperti kita telah berjaya dengan Rancangan Buku Hijau 100%, sama rata, semua

hijau. Jadi saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri menggunakan kenderaan di mana kita boleh lihat keadaan lalulintas.

Kedua, memandangkan kepada kemalangan di jalanraya, apabila sesuatu kemalangan berlaku pemandu-pemandu dan rakyat terpaksa menunggu hingga 3-4 jam bersama di jalanraya, duduk di tepi jalan tak dapat bantuan Polis datang ke tempat kejadian itu dengan seberapa cepat yang mungkin. Saya cadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan untuk mengadakan lebih highway patrol di mana masalah ini boleh diatasi.

5.52 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas satu Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya cuma hendak bercakap atas satu pindaan sahaja. Pindaan ini memberi peluang kepada Polis Sukarela kita yang terlatih bagi mendapatkan lesen. Ini satu perkara yang saya fikir saya hendak kaitkan di dalam perbahasan saya ini. Pertama, saya rasa dengan adanya pindaan ini akan menambahkan lagi orang ramai menjadi anggota polis sukarela ini. Kedua menaikkan taraf polis sukarela ini mendapatkan hak, mendapat lesen sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Tetapi satu perkara yang saya harap supaya anggota Polis sukarela ini bila mana mereka telah diberikan kebenaran lesen memandu kereta, jangan disalahgunakan, kerana dengan salahguna ini akan menjadi kesesakan lalulintas. Sebab menurut khabarnya yang diberitahu oleh rakyat kepada kita, di antara punca kesesakan lalulintas dan kemalangan jalanraya berpunca daripada beberapa orang anggota polis. Misalnya, saya katakan begini: satu muatan lori yang terlebih muatan, tiba-tiba ditahan oleh Polis sebab lebih muatan. Menurut undang-undangnya itu adalah salah, tetapi dengan sebab ada pakatan boleh diselesaikan, lori itu boleh lepas sahaja. Jadi saya harap perbuatan itu juga bukan sahaja menambah kesulitan lalulintas tetapi akan mendatangkan satu maruah yang kurang baik kepada anggota polis termasuk juga anggota polis sukarela, sebab dia bekerja sukarela dan dicampurkannya pula dengan

usaha semacam ini yang ada menafaat. Apa yang saya cakapkan ini telah menjadi pengetahuan umum, bukan semua anggota polis, tetapi beberapa orang anggota polis yang terlibat yang telah menjadi perbualan orang ramai. Saya contohkan ini supaya Timbalan Menteri berkenaan ini berhubung dengan Menteri Kerja Raya. Pernah dikatakan oleh orang ramai, "bahawa di Balai Polis kita kena bayar kerana pengangkutan bulanan sekian banyak. Tambahan Cukai motokar atau lori kalau tak dibayar macam-macam kita dapat susah. Disuruh muatan kita diturunkan dan sebagainya".

Dalam keadaan ini tolonglah Menteri yang berkenaan ambil tindakan supaya tidak berlaku dan menjejaskan nama baik anggota polis.

*5.35 ptg.*

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang berkenaan dengan pindaan Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

Di samping itu, saya ucapkan terima kasih kepada Menteri yang telah membawa ini dan saya sukalah bercakap sepatah dua bersangkutan dengan kemalangan jalanraya yang mana kita tahu kemalangan jalanraya kerap kali berlaku di Malaysia ini bersangkutan dengan kenderaan-kenderaan lori dengan muatan yang lebih.

Patutlah Kerajaan mengambil berat kerana lori-lori dari negeri Thailand membawa muatan barang seperti ikan dan lain-lain lagi muatan itu tidak terhad. Jadi boleh diisi misalnya lori itu boleh muat 100 pikul tetapi dibuat hingga 300 pikul. Bila sampai dalam kawasan Malaysia, keadaan lori kita juga memuat barang-barang itu dengan tidak dihadkan. Dengan kerana barang-barang yang dibawa oleh lori itu lebih maka kadang-kadang oleh terlampau berat muatan yang lebih itu maka keadaan mengawal kenderaan itu tidak dapat dibuat dengan kerana itu juga kemalangan berlaku. Apa yang kita harapkan supaya selalu pihak Polis dapat menahan lori-lori ini dan dikenakan denda supaya tidak ada muatan yang lebih berat bagi menjauhkan kemalangan yang berlaku seperti yang kita selalu dengar berlakunya kemalangan itu melibatkan lori lebih muatan.

Kedua, untuk mengatasi masalah ini juga saya harap hukuman yang berat patut dijatuhkan dan di samping itu lesen-lesen pemandu itu patut ditahan dua-tiga tahun. Dengan demikian dapatlah diatasi masalah pemandu-pemandu itu, bukan setakat mereka takutkan hukuman denda tetapi takut lesennya ditahan dan mereka tidak dapat meneruskan matapencarian dengan memandu lori itu.

Selain dari itu berkenaan dengan penunggang motosikal di kalangan pemuda yang tidak bertanggungjawab. Selalu kita dapati penunggang motosikal terlalu laju dengan potong memotong yang berlaku di dalam pekan semata-mata kerana mereka hendak menunjukkan lagak mereka boleh memandu dengan laju. Kadang-kadang potong memotong itu mengakibatkan kemalangan.

Di dalam soal ini juga kita berharap pihak Polis akan mengambil perhatian berat. Begitu juga pemandu yang tidak mengikut aturan patut lesen mereka ditahan, bukan setakat dihukum denda sahaja, patut lesen pemandu itu ditahan beberapa tahun supaya mereka menyedari dalam soal ini.

*5.38 ptg.*

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya sedar **yang Berhornat Timbalan Menteri** hendak sangat menutup perbahasan tetapi beliau tidak sedar bahawa Ahli Yang Berhormat ini sedia membantu beliau dalam hal ini. Apalah jua kiranya beliau bersabar.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dalam minggu-minggu yang baru ini, satu kejadian yang sangat memalukan kita iaitu satu pelanggaran kemalangan jalanraya berlaku di Johor melibatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sendiri dalam kemalangan jalanraya di antara perjalanan dari Johor Bharu ke Segamat. Kita berasa sedih dan kita mendoakan kepada Tuhan mudah-mudahan Baginda direstui Allah dengan segera.

Perkara yang timbul yang memalukan kita, Tuan Yang di-Pertua, kebetulannya satu sidang Kemuncak ASEAN hampir-hampir berjalan di Kuala Lumpur. Kita memegahkan jalanraya kita di Malaysia adalah satu jalanraya yang baik dan boleh diakui bagi keseluruhan rantau Asia, tetapi kita harus

memandang balik ke belakang, sebab soal kemalangan di jalanraya ini bukan semata-mata ditimbulkan oleh pemandu lori atau motokar, boleh jadi ada kelemahan-kelemahan kita sendiri di pihak Kerajaan. Maka kesalahan itu tidak harus dipupuk semata-mata kepada pemandu-pemandu ataupun kepada pengguna-pengguna jalanraya dan keadaan jalanraya itu sendiri harus difikirkan semula. Sebab satu daripadanya ialah keadaan bengkok-bengkok yang terlampau banyak, dan jalan-jalan yang kecil serta lekuk-lekuk sentiasa ada di jalanraya. Jadi ini semuanya menyebabkan kemalangan itu berlaku.

Sebagai seorang pemandu yang saya percaya Tuan Yang di-Pertua sendiri pun seorang pemandu juga memang berniat hendak berjalan di atas jalanraya ini seberapa cermat yang boleh, akan tetapi disebabkan kesebakan-kesebakan yang dikehendak oleh kejadian alam sendiri, maka menyebabkan kita tidak boleh memandu dengan cermat. Maka dalam masaalah ini, saya mohon kepada Kerajaan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri yang muda ini supaya mengkaji balik jalanraya Semenanjung ini. Kita lihat pemandu-pemandu lori, pemandu-pemandu kereta atau punya lori atau tuan punya kereta melalui jalanraya itu ialah dengan lesen yang dibayar, dikenakan had-had bayarannya tiap-tiap 3 bulan sekali dengan tujuan hendak memungkah, mengambil hasil-hasil negara ini bagi memperkayakan negara ini. Sebagai seorang ahli perniagaan umpamanya, masa itu sangat berharga, dengan sebab itu tentulah kadang kala kecepatan juga berlaku. Tetapi kalau jalanraya itu lebar, bengkoknya kurang maka perkara keselamatan jalanraya ini boleh diatasi.

Saya sendiri tidak begitu menyalahkan kepada pemandu bahkan ada barangkali setengah-setengah pemandu yang menunjukkan kepintaran memandu dalam bandar, penunggang-penunggang motosikal, kereta-kereta kecil yang baru dibeli yang kuat larinnya memotong kawan-kawannya, ini pernah berlaku tetapi orang macam ini bilangannya tidak banyak. Saya sendiri berfikir Yang Berhormat Timbalan Menteri patut mengkaji semula apa yang saya sarankan. Saya tidak hendak mempelawa beliau melawat ke luar-luar bandar kerana melawat ini adalah tugasnya sendiri. Tetapi ada banyak jalan yang kita akui jalan yang baik di rantau Asia ini

yang kita fikir tidak baik. Maka peruntukan-peruntukan perlu diminta, rundingan-rundingan mesti dibuat di antara Menteri-menteri yang berkenaan memohon tambahan bagi kemajuan Jabatan dia sendiri.

Saya sedar dengan kejadian yang saya sebutkan pada awal ucapan saya tadi tidaklah kita merasa malu kemalangan jalanraya ini berlaku kepada orang yang amat dihormati dalam negara kita. Saya tidak tahu apa sebab mulanya bencana ini berlaku tetapi mestilah dengan sebab kelemahan-kelemahan yang timbul daripada kekurangan alat-alat negara kita pada membaiki jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong Bil ini dikuatkuasakan bagi membolehkan pegawai-pegawai dan anggota yang berkhidmat dalam Polis itu sendiri menjadi pegawai yang mempunyai tauliah dan ketaifan mengikut undang-undang dan saya juga faham ada baiknya langkah-langkah yang diambil oleh Polis sekarang ini menyelesaikan masaalah lalulintas itu boleh dibayar di mahkamah, kerana ini mengurangkan kerja-kerja mahkamah yang sekarang ini masih sebuk dan sekiranya kita mempunyai kewangan yang lebih mengambil peguam umpamanya ini perkara yang membazirkan, lebih baik kita mengaku silap dan fine di luar mahkamah. Perkara ini boleh meringankan tanggungan Kerajaan bagi mengadakan perbicaraan beberapa hari lagi. Oleh sebab adanya undang-undang dan peraturan yang dibuat ini membolehkan pegawai sukarelawan umpamanya diberi mandate atau kuasa yang dirakamkan mengikut undang-undang. Saya yakin dan percaya masaalah lalulintas ini boleh diatasi dari masa ke semasa dengan syarat Kerajaan sendiri mestilah memahami bahawa kemalangan di jalanraya ini tidak hanya semata-mata terletak kesalahannya kepada pemandu dan Kerajaan mesti bertanggungjawab bersama-sama bagi menunaikan tanggungjawabnya merata dan membaiki jalan itu supaya sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### 5.41 *ptg.*

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan satu pindaan yang begitu kecil sekali yang kita cadangkan. Seperti saya

katakan tadi tujuan Rang Undang-undang ini ialah memberi Polis Sukarelawan mendapati lesen memandu kereta polis secara langsung daripada pihak Polis sendiri. Saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Mohd. Tahir, Puan Hajjah Salmah, Datuk Syed Kechik, Tuan T. S. Gabriel, Tuan Sheikh Ismail, Datuk Haji Ahmad dan Datuk Abdul Razak tentang pandangan-pandangan mereka yang sangat berfaedah sekali. Walau bagaimanapun, saya hendak memberi sedikit ulasan tentang apa yang dikatakan oleh saudara Gabriel kerana saya jumpa beliau biasanya di Dewan Parlimen dan nampaknya beliau tahu sangat tentang apa kenderaan yang saya pakai, apa pengangkutan yang saya pakai. Jadi untuk menjelaskan rekod bagi pihak Menteri dan saya, saya hendak menjelaskan bahawa Yang Berhormat Menteri dan saya bertanggungjawab atas jalanraya di negara ini bukan sahaja pembinaan tetapi juga kegunaan jalanraya dan kami berasa bangga atas jalanraya-jalanraya yang kita ada dan mana boleh, kita selalu gunakan jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Senator Kamarul Ariffin kerana telah menimbulkan satu soalan yang sangat kena-mengena. Walaupun saya bukan seorang peguam, saya cubalah memberi jawapan yang tepat sekali. Sebenarnya pihak Polis adalah termasuk dalam defination undang-undang ini sekarang kalau Dewan meluluskan Rang Undang-undang ini iaitu apabila Polis Sukarelawan mendapat lesen untuk memandu kenderaan-kenderaan Polis. Latihan yang mereka dapat adalah istimewa sedikit dan mereka tidak terlibat di bawah Seksyen 28 (1) Undang-undang Lalulintas, 1958. Mereka adalah satu kategori yang istimewa dan lesen dikeluarkan oleh pihak polis atau pihak tentera.

Sekali lagi saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa apa-apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang keadaan lalulintas akan diberi perhatian berat oleh Kementerian saya. *(Tepuk)*.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG LALU-LINTAS JALAN (PINDAAN) (No. 2)**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.54 ptg.*

**Dr Gob Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 dibaca kali yang kedua dan diluluskan.

Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan kuasa bagi membuat kaedah-kaedah menghendaki penggunaan talipinggang keledar yang dipasang pada kereta-kereta motor. Kaedah-kaedah yang perlu dibuat pada masa ini ialah berkaitan dengan bahan, pemasangan, pembentukan, kedudukan, penjualan dan pembekalan talipinggang keledar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan jalanraya adalah seperti yang disebutkan tadi oleh beberapa Ahli Yang Berhormat merupakan satu masalah yang sukar diatasi. Dengan bertambahnya bilangan kenderaan-kenderaan bermotor di jalanraya maka bilangan kemalangan yang melibatkan kenderaan-kenderaan ini adalah bertambah-tambah dari semasa ke semasa. Kementerian saya adalah sentiasa berusaha mengatasi masalah ini bukan sahaja untuk mengurangkan bilangan kemalangan jalanraya tetapi juga mengurangkan bilangan kematian dan kecederaan berat akibat daripada kemalangan-kemalangan tersebut. Oleh itu, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Undang-undang Pemakaian Topi Keledar telah dikuatkuasakan baru-baru ini di seluruh negara. Kesan daripada penguatkuasa Undang-undang ini

adalah sangat menggalakkan di mana angka-angka menunjukkan bahawa bilangan kematian yang melibatkan kemalangan motosikal adalah berkurangan berbanding dengan masa sebelum Undang-undang tersebut dikuatkuasakan.

Seterusnya Kementerian saya berpendapat bahawa bilangan kematian atau kecederaan parah daripada kemalangan jalanraya akan dapat dikurangkan jika sekiranya pemandu-pemandu kenderaan memakai talipinggang keledar. Oleh itu, saya suka menegaskan bahawa langkah pelaksanaan Undang-undang Tali pinggang Keledar ini adalah satu langkah yang positif yang perlu diambil bagi mengatasi masalah kemalangan jalanraya yang semakin hari semakin besar di negara kita ini. Penyelidikan yang telah dijalankan di United Kingdom, Amerika, Australia dan Sweden menunjukkan bahawa 40% hingga 70% dari kematian dan cedera parah di dalam kemalangan jalanraya yang melibatkan motokar boleh diselamatkan jika setiap orang memakai tali pinggang keledar di dalamnya.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa pelaksanaan Undang-undang Tali pinggang Keledar ini akan dijalankan secara berperingkat supaya tidak menyusahkan pihak yang berkenaan. Bagi peringkat pertama pada 1hb November, 1977 tiap-tiap kereta yang didaftarkan pada hari itu dan selepas tarikh itu diwajibkan memasang tali pinggang keledar untuk pemandu dan penumpang hadapan. Pada peringkat kedua mulai daripada 1hb Jun, 1978 semua kereta-kereta yang telah didaftarkan di antara 1hb Januari, 1967 dan 31hb Oktober, 1977 diwajibkan memasang tali pinggang keledar. Dan pada peringkat akhir mulai daripada 1hb Januari, 1979 penggunaan tali pinggang keledar ini diwajibkan bagi semua pemandu-pemandu dan penumpang-penumpang hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.59 ptg.

**Datuk Dr C. Sinnadurai:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan yang dibuat kepada Ordinan Lalulintas Jalan, 1958, which requires the use of such safety device as seat-belts.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan yang berlaku di jalanraya semakin bertambah dan bilangan orang-orang yang cedera ini adalah membebankan pihak hospital untuk memberi khidmat rawatan yang sempurna. Oleh yang demikian apa-apa sistem yang digunakan yang boleh membantu mengurangkan kecederaan anggota dalam pelanggaran kenderaan adalah langkah yang dialu-alukan. Yang pentingnya ialah memastikan bahawa alat-alat keselamatan yang digunakan seperti tali pinggang atau topi keledar adalah alat-alat perlindungan yang bermutu tinggi dan boleh tahan di dalam masa kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan bahawa ada beberapa jenis tali pinggang keledar iaitu jenis lock-belt, lock-shoulder belt dan harness belt dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, harness belt ini bersama tempat sandar kepala di atas headrest adalah mencegah kecederaan kepada bahagian dada, muka dan leher.

*(Dengan izin)* In our language, headrest prevents a whiplash fracture and prevents paralysis of the limbs. Namun demikian bagi seorang yang mampu ada juga tali pinggang elektrik atau tali pinggang belon yang boleh memberi perlindungan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar kanan seperti Professor Iqbal dan Dr Sivanandan di Hospital Besar Kuala Lumpur bersetuju dengan saya bahawa terdapat beberapa faedah yang besar untuk menyelamatkan diri jikalau menggunakan tali pinggang ini. Pengguna-pengguna akan terselamat daripada kecederaan tubuh badan dan seperti yang pernah disiarkan dalam akhbar baru-baru ini penumpang-penumpang yang duduk di hadapan juga terselamat dari tercedera pada bahagian mata. Ini adalah setengah daripada faedah-faedah yang besar dalam menggunakan tali pinggang keledar, walaupun terdapat juga beberapa kelemahannya.

6.02 ptg.

**Daiuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin:** Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) 1958, walaupun kecil tetapi besar maknanya.

Bercakap dengan usaha Kerajaan hari ini iaitu hendak mengurangkan kemalangan lalulintas, beberapa undang-undang telah diluluskan dalam Dewan ini dari satu masa ke satu

masa kerana tujuannya baik. Tetapi undang-undang lalulintas yang ada dalam negara kita yang telah kita luluskan mungkin setengah perlaksanaannya tidak berjalan dengan betul-betuk Dalam usaha kita mengurangkan kemalangan ini maka kita juga jangan lupa pula mengurangkan beban kepada orang yang akan menggunakan motokar, sebab kita mesti lihat implikasi daripada undang-undang atau kuasa yang akan kita beri kepada Menteri supaya menguatkuasakannya. Tiap-tiap kereta hendaklah kesemuanya memakai talipinggang di dalam keretanya. Implikasinya adalah begini, iaitu pihak yang menjual tali pinggang ini hendaklah menjual tali pinggang seboleh-bolehnya esok juga, sebab faktori yang hendak buat tali pinggang telah diluluskan oleh Kementerian ini, iaitu lianya menanti masa apabila Kementerian ini memberi kuasa untuk memakai tali pinggang ini.

Saya telahpun pergi melawat beberapa tempat di dalam dunia baru-baru ini seperti Tokyo bersama-sama dengan Raja Datuk Nong Chik—tetapi beliau tidak ada di sini sekarang. Tokyo adalah sebuah bandar yang sesak di dalam Asia, tetapi belum lagi memakai tali pinggang, bahkan pakar-pakar mengenai masalah tali pinggang belum dapat sepakat mengenai apa cara tali pinggang yang boleh menahan kemalangan ini. Sepertimana yang kita lihat berbagai cara (experiment) telah dijalankan daripada satu masa ke satu masa. Jadi pihak Kementerian ini hendaklah berhati-hati jikalau hendak mengimplimentkan kuasa yang kita beri kepadanya selepas Rang Undang-undang ini diluluskan di Dewan ini. Kerajaan juga hendaklah memikir dan menyelidik bagaimana cara serta mengkaji masaalah bagi kita mengurangkan kemalangan jalanraya. Oleh sebab kemalangan itu mungkin disebabkan jalan tidak banyak bengkok dan ada pula orang mengatakan keretanya terlampau lama dan kalau terlampau lama mungkin kereta itu hampir-hampir tercabut steeringnya yang akan menyebabkan kemalangan berlaku. Ini adalah kemalangan sebagaimana yang disebut oleh saudara saya tadi Yang Berhormat Datuk Abdul Razak bin Hussin berkenaan kemalangan yang terjadi ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah Johor yang mana diberitahu bahawa steering lori itu telah tercabut. Jadi siapa yang hendak disalahkan, tali pinggang, pemandu kereta, jalan licin ataupun enforcement officer yang

menjalankan pemeriksaan ke atas kereta dan lori ini untuk mengesahkan samada kenderaan ini boleh digunakan lagi misalnya dalam masa dua tahun ini.

Masaalah jalanraya ini ada bermacam-macam masaalah, jadi kalau sudah ada undang-undang mengapa Kementerian ini tidak daripada awal-awal lagi memaksa kilang-kilang yang mengeluarkan kereta ini mengadakan tali pinggang keledarnya untuk penumpang di hadapan? Jikalau ada tali pinggang ini selama dua atau tiga tahun dahulu sudah lama pemandu kereta dan siapa sahaja yang duduk di hadapan akan dapat memahami atau berlatih memakai tali pinggang keledar. Janganlah kita membuat undang-undang dan menguatkuasakan undang-undang daripada satu tarikh ke satu tarikh tetapi kita tidak memakai dari semasa ke semasa supaya memenuhi maksud dan tujuan undang-undang ini.

Pada hari ini kalau kita tengok iklan dalam suratkhbar mengenai kereta, tetapi kedua-dua tali pinggang di hadapan tidak ada. Mengapa tidak diberikan? Kerana perkara ini akan dijalankan dan pihak berkuasa sudah tahu tetapi tidak diarahkan kepada kilang-kilang untuk memasang tali pinggang di dalam kereta. Kereta hanya diserahkan kepada pembeli dan memasang tali pinggang ini. Dengan harga yang lain, mengapa cost itu tidak termasuk sekali atau diberi percuma sebagaimana iklan yang menyatakan kalau membeli motokar Mazda kita dapat air-condition. Kalau beli motokar mengapa tidak dipasang tali pinggang keledar depan dan belakang dengan percuma? Ini soalnya.

Jadi kita lihatlah bagaimana teksi hendak memasang tali pinggang keledar. Bagaimana penumpang-penumpang yang datang daripada luar bandar hendak memakai. Apabila saya naik kapalterbang masih ada lagi orang tidak tahu hendak memasang tali pinggang di dalam kapalterbang padahal kapalterbang telah lama ada dalam negara ini.

Saya tidak tahu adakah Menteri pernah tengok orang naik kapalterbang yang masih ada tidak tahu memasang talipinggang. Saya tahu tali pinggang ada dipasang di setengah-setengah kereta sampai sekarang ini pun susah juga walaupun family itu tahu yang keretanya ada dipasang tali pinggang tetapi tidak tahu hendak memasangnya. Ini kena pula diadakan satu latihan lalulintas di

padang kanak-kanak untuk hendak memasang tali pinggang, sebagaimana kita adakan kempen-kempen laiuntas bagi kanak-kanak menggunakan basikal supaya hendak menyelamatkan kanak-kanak yang menggunakan lalulintas yang ada di Taman Bunga Kuala Lumpur hari ini.

Jadi, saya bukan tidak bersetuju, tetapi biarlah praktikal. Janganlah kita ikut kerana repot daripada Amerika, Eropah atau Great Britain, tetapi kita tidak pandang kereta-kereta Bangkok yang left-hand drive. Siapa yang pernah pergi Bangkok dapat melihat keretanya left-hand drive. Jikalau ditengok traffiknya huru-hara tetapi accident is less. Dalam soal ini tentu ada sebabnya. Adakah enforcement officer apabila mengeluarkan lesen pemandu ini menjalankan tugasnya tidak mengikut peraturan yang ada di dalam undang-undang? Jadi jikalau hendak buat undang-undang dikurangkan lagi lalulintas seperti yang dibincangkan tengah hari tadi iaitu yang menyatakan jalan baik tetapi sempit. Kita telah membelanjakan wang membesarkan jalan dari Port Klang sampai ke persimpangan bulatan Bangunan UMBC iaitu satu jalan yang indah yang boleh memandu dengan laju yang belum kita rasa, jikalau kita naik motokar tengah malam rasa seperti berjalan di kayangan tidak tahu hendak sebut (*Ketawa*) dalam khayal cantiknya jalan! Tetapi jikalau pukul 8.30 pagi traffiknya dari bulatan Bangunan UMBC. Jalan Sulaiman kereta-kereta sampai dua tiga batu panjangnya. Ini apa silapnya. Adakah jalan ataukah bulatan? (*Ketawa*) Tentu bulatan yang menghalangkan traffic. Ini serupa jugalah undang-undang ini.

Jadi kita mesti mengkaji di dalam hal ini, sebab sampai sekarang di Amerika belum lagi sahkan pemakaian tali pinggang bagi pemandu atau penumpang di sebelah hadapan adalah selamat. Ujian-ujian berkenaan dengan tali pinggang telahpun berjalan dan beberapa experiment telah dijalankan hari ini tetapi belum lagi diambil keputusan yang perkara ini ialah perkara yang safe, tetapi oleh sebab precaution is better than cure, maka saya menyokong Rang Undang-undang ini. (*Ketawa*) Tetapi dengan syarat sebelum kereta-kereta baru yang akan diregisterkan pada tarikh yang disebutkan oleh Menteri ini, daripada hari ini Menteri ini mesti berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mengeluarkan arahan kepada pengeluar atau

pemasang motokar di sini memasang tali pinggang supaya tiada keberatan kepada orang yang akan membelinya.

Kedua, kita hendak experience pula kemudian hari iaitu orang-orang duduk di belakang pun kena pakai tali pinggang, Bagaimana orang yang hendak naik teksi, orang dari luar bandar yang saya katakan ini, tetapi yang di bandar yang naik kapalterbang pun tidak tahu memasang tali pinggang keledar kapalterbang. Pada keseluruhan negara kelak diwajibkan memakai tali pinggang, begitu juga bas, bas sekolah, bas mini yang ada ini. Jadi eloklah dikaji dan janganlah hendak menjalankan undang-undang itu kerana for the sake of implementation, kerana ini satu masaalah yang boleh kita katakan konkrit mengatasi masaalah kemalangan di jalanraya.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dan pandangan saya ini diharap pihak Kementerian akan mengambil perhatian.

6.18 ptg.

**Datak Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Bil yang ada di hadapan kita ini dan saya telah mendengar hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan waktu membentangkan Rang Undang-undang yang bertujuan baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sangat penting dan patut dilanjutkan perbahasannya esok. Dan kita pun ada masa lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi yang menyatakan satu kuatkuasa kaedah menggunakan tali pinggang keledar motor-motor berjentera di dalam negeri ini. Saya sangat berpuas hati atas langkah Kerajaan hendak menyelamatkan banyak nyawa yang terlibat di dalam kemalangan jalanraya. Bagaimana laporan yang telah kita tahu pada tahun 1976 lebih 14,000 manusia yang maut akibat kemalangan jalanraya. Kemalangan ini, akan bertambah besar dari semasa kesemasa berpunca dari sebab bertambahnya kenaikan dalam negeri kita yang mempunyai jentera bermotor ini. Langkah yang dibuat oleh Kerajaan ini satu

langkah yang baik, tetapi kenalah difikirkan dengan mendalam, maka dengan itu menurut hemat saya yang cetek ini akan memberikan pandangan-pandangan dengan tujuan demi kebaikan rakyat jelata dalam tanahair kita ini supaya tidak menemui maut berhubung dengan jalanraya.

Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, maksudnya yang benar ialah memberikan perlindungan kepada pemandu-pemandu motokar dan saya hendak bertanya adakah termasuk lori; tadi Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin menyebut bas, saya hendak bertanya, adakah termasuk lori juga dikenakan kuatkuasa Rang Undang-undang ini? Sebab lori juga tidak kurang bincananya sebagaimana motokar. Masaalah motokar dan lori ini, pada nisbah rakyat jelata adalah jerong yang besar. Mereka begitu gagah boleh melintas lalulalang di atas jalanraya yang dibuat dalam tanahair kita ini dan pemandunya itu kadangkala ganas dan megah dengan motokar yang baik ada padanya dengan tidak memikirkan manusia yang lalu di atas jalanraya itu. Kerajaan sekarang telah memberikan satu perlindungan kepada pemandu-pemandu ini dan juga yang menjadi penumpang motokar dalam negeri ini dengan menggunakan tali pinggang keledar tadi. Saya mengharapkan satu peraturan yang patut diketatkan bahawa pemandu-pemandu dalam tanahair kita ini patut dikenakan hukuman yang seberat-beratnya supaya mereka itu merasa bahawa dera yang dibuat oleh Undang-undang negara ini menjadikan mereka itu serek hendak melakukan kesalahan kemalangan jalanraya. Saya nampak bahawa hukuman yang dikenakan sekarang adalah begitu ringan. Saya mengharapkan Kementerian ini akan dapat bekerjasama dengan Kementerian Undang-undang supaya mereka yang bersabit kesalahannya dalam memandu kenderaannya dalam negeri ini diberi hukuman yang begitu tinggi, yang begitu hebat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian juga bukan sahaja hendak memberikan perlindungan kepada pemandu-pemandu kereta yang bermotor ini tetapi Kerajaan kena memerhatikan jalanraya yang dibuat oleh Kerajaan ada manusia-manusia yang kerdil, ikan bilis iaitu orang berjalan kaki. Orang yang naik basikal, orang yang berjalan kaki inilah yang menjadi mangsa jerung-jerung itu. Dalam perangkaan, kita

tengok beberapa banyak, berapa besar angka orang yang berjalan kaki inilah yang menjadi mangsa jerung-jerung itu. Dalam perangkaan, kita tengok beberapa banyak, berapa besar angka orang yang berjalan kaki ini telah menerima maut berhubung dengan jalanraya dan juga orang yang menunggang motosikal. Mereka ini tidak ada satu kuasa, hanya menghayunkan kaki berlelgang di jalanraya tiba-tiba motokar yang gagah ini melanggar mereka. Ini dikatakan kemalangan. Bila saya sebut masaalah rakyat yang berjalan kaki dalam tanahair kita ini hendaklah Kerajaan mengadakan satu aturan yang tertentu bagi mereka, samada di bandar-bandar raya atau di bandar-bandar termasuklah juga di kawasan-kawasan yang sesak yang dilalui oleh kenderaan, kerana orang yang berjalan kaki ini juga rakyat dalam negeri ini yang memberikan cukai kepada Kerajaan, memberikan cukai kepada negara tetapi bila mana mereka kena kemalangan bukan sahaja menerima kesakitan yang dialami berpunca daripada pelanggaran itu tetapi akan menjadi kepedihan hidup kepada keluarga mereka itu. Yang ghalibnya yang berjalan kaki ini ialah golongan rakyat yang tidak berada. Maka dengan itu kita jangan hanya hendak memberikan perlindungan kepada pemandu-pemandu kereta dan mereka yang naik kereta, kita memberikan perhatian yang istimewa kepada rakyat negeri ini yang menggunakan jalanraya di negeri ini dengan jalan kaki dan berbasikal sebagaimana saya katakan tadi. Saya tidak juga menafikan banyak usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian ini terhadap orang yang berjalan kaki tetapi saya fikir patut dikaji balik, diperhatikan balik di mana ada kelemahan-kelemahan di mana peruntukan perlindungan bagi mereka, patut kita adakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa pelaksanaan Undang-undang ini akan berjalan seluruhnya pada tahun 1978 kalau tidak salah ingatan saya, tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sekiranya mereka tidak melaksanakan Rang Undang-undang yang kita luluskan ini pada ketika itu setakat mana kesalahan yang patut kita kenakan kepada pemandu dan juga kepada penumpang teksi ini. Kalau dengan keadaan ini juga, mereka boleh dibawa ke mahkamah, satu lagi keberatan kepada rakyat negeri ini

dengan sebab melakukan kesalahan tidak menggunakan tali pinggang keledar yang disediakan bagi mereka.

Yang kedua, satu keberatan yang akan menimpa kepada pemandu-pemandu ataupun yang punya motokar dalam tanahair kita ini berhubung dengan pemberian tali pinggang keledar ini bukanlah satu perkara yang ringan. Tadi rakan sejawat saya Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin telah mengatakan bahawa tali pinggang keledar ini juga kalau dibeli hendaklah diberikan kursus kepada pemandu dan juga penumpang kereta itu. Dalam masalah ini gemar saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ini adalah menjadi satu tambahan kepada tuan punya teksi kita yang ada dalam tanahair ini bagi melaksanakan Rang Undang-undang ini, bukan satu perkara yang boleh dibeli dengan murah dan saya mengharapkan juga Kerajaan bila hendak melaksanakan Rang Undang-undang ini adakah Kerajaan dapat menyelidiki

bahawa tali pinggang keledar ini boleh mencukupi di seluruh tanahair kita ini. Kiranya pada ketika itu tali pinggang keledar ini belum lagi mencukupi, kuatkuasa yang kita jalankan ini berupa aniaya kepada pemandu-pemandu teksi kita dan juga penumpang-penumpangannya. Saya harap Kerajaan jangan bergopoh sangat dalam mewajibkan penggunaan ini, kita mesti melihat adakah cukup bekalan tali pinggang keledar ini yang akan digunakan di seluruh tanahair kita ini. Kiranya belum cukup lagi, Kerajaan boleh melonggarkan kuatkuasa ini pada satu tempoh yang tertentu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk, masa sudah cukup. Datuk boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 10hb Ogos, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*